

Jilid 1
Bil. 72



Hari Khamis
22hb Oktober, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12053]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 12105]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan)
[Ruangan 12107]

Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan) [Ruangan 12115]

Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 12160]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, **TUAN DAIM ZAINUDDIN** (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN**, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N.
(Hulu Langat).
- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* Paul Pansai (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 22hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Lau Dak Kee tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Alang Saidin.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin tidak hadir).

BAYARAN HUTANG BANK

3. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan adakah rancangan untuk menanggung pembayaran hutang bank oleh peniaga dan usahawan Bumiputera selama 2 tahun seperti yang dimajukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama dulu diterima oleh Kerajaan; adakah masalah pembayaran balik hutang-hutang bank ini merupakan masalah keseluruhan masyarakat peniaga-usahawan Bumiputera atau hanya terhad kepada golongan jutawan Bumiputera sahaja.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menanggung secara menyeluruh pembayaran hutang bank. Bagi bayaran pokok beserta faedahnya sekali seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak praktikal. Walau bagaimanapun, di bawah penyeliaan Bank Negara, institusi-institusi kewangan telah digesa untuk menimbangkan perkara ini berdasarkan kepada kedudukan dan prestasi tiap-tiap kes yang berkenaan.

Pada amnya adalah benar bahawa masalah pembayaran balik hutang-hutang iaitu hutang-hutang bank merupakan masalah keseluruhan masyarakat peniaga termasuk usahawan-usahawan Bumiputera dan masalah ini tidak hanya tertumpu kepada golongan jutawan Bumiputera sahaja. Soalan yang serupa dan hampir-hampir sama maksudnya sudahpun dijawab di dalam Dewan ini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, beliau menyatakan rancangan untuk menanggung pembayaran hutang bank oleh peniaga-peniaga dan usahawan Bumiputera selama 2 tahun adalah tidak praktikal. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab-sebab mengapa ianya tidak praktikal.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak praktikal kerana masalah-masalah

yang didapati dalam kumpulan peniaga-peniaga dan juga mereka yang berhutang dengan bank-bank ini adalah masalah yang terdapat di antara bank dan juga peniaga-peniaga tersebut. Data-data berkenaan dengan pemiutang-pemiutang terdapat dengan bank-bank tersebut. Saya telah menyatakan dalam Dewan ini dua, tiga hari yang lepas bahawa Kementerian Kewangan tidak menyimpan data-data berkenaan dengan peniaga-peniaga yang mempunyai masalah. Walau bagaimanapun, jika ada rayuan-rayuan untuk menanggungkan pembayaran tersebut, maka bank-bank adalah diminta supaya meneliti tiap-tiap kes itu mengikut kedudukan dan prestasi syarikat-syarikat ataupun individu tersebut. Oleh kerana itu untuk menjawab secara umum apakah penanggungkan ini praktikal ataupun tidak, maka saya ingin mengulangi bahawa ianya tidak praktikal.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan lanjut mengenai jawapan Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa pertimbangan akan diberi berdasarkan kes-kes ataupun "case by case". Apakah priority yang diberi kepada individu ataupun pengusaha-pengusaha yang terlibat untuk diberi pertimbangan dan bagaimana cara mereka terlibat untuk dapat dipertimbangkan tentang kajian bayaran balik dengan bank yang berkenaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu saya telah jawab. Priority hanya diberi kepada kes-kes yang masih viable, dengan izin, dan masih lagi solvent, dengan izin. Ia tidak kira adakah yang berhutang itu syarikat ataupun individu. Jikalau sekiranya bank-bank tersebut mendapati kes-kes yang dirayu itu melalui satu skim yang dinamakan skim rehabilitation programme yang diberi nama berbagai-bagai oleh bank-bank yang

berkenaan, ada yang menamakan ICU, Flying Squad dan sebagainya, maka terpulanglah kepada bank-bank tersebut untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan mengikut keadaan, tetapi setakat ini kita dapati bahawa mengikut feed back, dengan izin, yang kita dapati kebanyakan masalah-masalah yang dibawa ke bank-bank kebanyakannya mempunyai kes-kes yang boleh dipertimbangkan dan adalah dinasihatkan bank-bank tersebut restructure pinjaman tersebut dan reschedule pinjaman tersebut, dengan izin.

HARGA TAYAR BUATAN MALAYSIA

4. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab apa suatu "tyre" untuk kenderaan lori yang berharga sebanyak \$525/- di negara kita tetapi harga "tyre" seperti itu juga hanya sebanyak \$175/- sahaja di Negara Singapura. Adakah adil satu perbezaan begitu besar boleh berlaku antara dua-dua Negeri tersebut sedangkan negara kita sebagai satu negara yang paling besar dalam pengeluaran getah asli di dunia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, setelah pembayaran duti eksais dan cukai jualan, harga runcit sebuah tayar lori buatan Malaysia adalah antara M\$495-\$500 sebuah. Tayar buatan Cina yang bermutu rendah boleh dibeli dengan harga S\$175 di Singapura sementara tayar buatan Jepun mempunyai harga borong lebih dari S\$200 di Singapura. Perkara-perkara yang perlu diperhatikan adalah seperti berikut:

- (i) Tidak ada pembuat tayar di Singapura dan oleh itu pasarannya tidak perlu dilindungi;

- (ii) Di Negeri Jepun, yang merupakan pengeluar dan pengeksport tayar yang terkemuka di dunia, pada tahun lalu harga tempatan bagi sebuah tayar lori, seperti di Malaysia juga adalah dalam lingkungan M\$500. Seperti di Malaysia, pasaran dalam negeri di Jepun juga terlindung dan harga dalam negeri adalah lebih tinggi daripada harga eksport. Ini bermakna negara-negara pengimport seperti Singapura dapat memperolehi tayar dengan harga yang lebih rendah itu.
- (iii) Untuk memenuhi kehendak "load factor" dan "retreadability" dengan izin, oleh pengguna-pengguna kenderaan berat di Malaysia, tayar lori buatan Malaysia mempunyai spesifikasi kekuatan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan tayar yang diimport. Umpamanya, tayar tempatan mempunyai keupayaan dicelup sebanyak 4-5 kali sementara tayar buatan Jepun boleh dicelup sekali sahaja. Oleh itu, tayar-tayar tempatan perlu diperkuatkan dan pada kebiasaannya mengandungi lebih banyak lapisan daripada tayar yang diimport.

Berdasarkan perkara-perkara tersebut adalah tidak wajar bila membuat perbandingan harga tayar lori di Singapura dan di Malaysia.

Mengenai kenapa Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar getah asli terbesar di dunia tidak dapat mengeluarkan tayar yang murah harganya ialah kerana getah asli merupakan salah satu bahan mentah yang digunakan untuk membuat tayar. Terdapat beberapa bahan mentah lain yang digunakan seperti "carbon black, nylon fabric, steel cords" dan getah

tiruan. Kegunaan getah asli hanya 14% daripada keseluruhan kos bahan-bahan mentah ataupun 5% daripada jumlah kos pengeluaran tayar, berbanding dengan 24% (daripada jumlah kos bahan-bahan mentah) bagi getah tiruan, 18% steel fabric, 25-35% nylon cord fabric dan 12-17% carbon black.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana harga tayar di Singapura lebih murah daripada Malaysia dan kita telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun sukar kita menerima penjelasan-penjelasan tersebut, tetapi apakah rancangan, strategi, program dan tindakan Kerajaan supaya suatu hari nanti harga-harga tayar kita ini bukan sahaja murah daripada Singapura, tetapi juga sesuai sebagai sebuah negara pengeluar getah kita boleh mendapat apa-apa bentuk yang menggunakan getah adalah murah.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ada dua langkah:

Yang pertama, kita sekarang ada satu Jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa kecil di bawah Kementerian saya, namanya ialah Pasukan Petugas Perindustrian Getah, tugas pasukan itu masih mengkaji cara-cara supaya mengurangkan kos pengeluaran tayar buatan negara kita.

Kedua, berpandukan kepada keputusan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeluar tayar terkemuka di dunia, Pelan Induk Perindustrian telah mengenalpasti kaedah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat keputusan ini. Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah \$1 juta untuk melaksanakan kajian tersebut.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Berdasarkan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, hanya 14% dari bahan-bahan mentah untuk membuat tayar adalah getah asli dan perlindungan pasaran Malaysia telah pun diberi kepada pekilang-pekilang, sedangkan rakyat Malaysia mesti membeban perbelanjaan yang tinggi untuk memperolehi tayar. Kalau hanya 14% getah asli mengapa Kerajaan memberi perlindungan kepada pekilang-pekilang ini, bukankah lebih baik membukakan pasaran Malaysia supaya persaingan dengan tayar-tayar dari luar negeri dapat dipasarkan di pasaran Malaysia supaya rakyat boleh mendapat tayar yang lebih murah.

Yang kedua, apakah harga eksport tayar buatan Malaysia ke luar negeri?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan yang kedua, tetapi soalan yang pertama kita mesti ingat di Malaysia sekarang kita hendak mula membuat tayar-tayar supaya kita boleh mencapai satu negara yang banyak mengeksport tayar.

Kita tidak boleh mengendalikan satu soal teknikal iaitu berapa peratus getah asli perlu digunakan untuk membuat tayar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kampar, soalan yang kedua dia tidak faham.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Apakah harga eksport tayar buatan Malaysia?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ada satu butir mengandungi senarai harga di dalam negara.

Heavy truck tyre iaitu sebiji \$561 dan light truck tyre \$127, tetapi harga-harga untuk dieksport tidak ada. Jumlah eksport tahun lalu lebih kurang \$5 juta.

EKSPORT IKAN KE LUAR NEGERI

5. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Malaysia mengeksport ikan ke luar negeri dan berapakah jumlah ikan dan nilai yang dieksport setiap tahun. Adakah pula Malaysia mengimport ikan, jika ada dari negara mana dan berapakah nilai yang diimport. Memandangkan Malaysia kaya dengan sumber laut apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan hasil sumber laut khasnya ikan demi menampung keperluan rakyat dan seterusnya mengurangkan import.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengeksport ikan ke luar negeri. Jumlah ikan yang dieksport pada tahun 1986 ialah 196,500 metrik tan bernilai \$398 juta. Malaysia juga mengimport 238,700 metrik tan ikan yang bernilai \$371 juta pada tahun 1986, dan antaranya ialah dari negara Thailand, Indonesia, India dan Jepun.

Kerajaan mengambil langkah bagi menggalakkan penerokaan perikanan laut dalam bagi meningkatkan hasil sumber laut. Di antara langkahnya ialah memudahkan pengeluaran lesen bot-bot yang beratnya 70 GRT dan ke atas, menyediakan infrastruktur pada bot-bot besar seperti yang terdapat di Chendering, Terengganu dan Kuantan, Pahang, memberi latihan dalam pengendalian dan pengurusan bot-bot laut dalam, menjalani penyelidikan sumber bagi mendapat maklumat sumber perikanan laut dalam, mengadakan skim pinjaman di bawah Bank Pertanian Malaysia, memberi maklumat dan penerangan tentang peluang-peluang yang terdapat dalam penerokaan perikanan laut dalam dan mengadakan aturcara keselamatan di laut dalam yang lebih berkesan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada ikan di Batu Berendam. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, berapakah jumlah lesen penangkapan laut dalam yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi nelayan-nelayan kita untuk menangkap ikan di laut dalam selain daripada nelayan-nelayan daripada Negeri Siam dan negara-negara jiran?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini permohonan yang telah diluluskan adalah menggalakkan iaitu 356 lesen kesemuanya. Dan suka saya nyatakan yang beroperasi hanya 96 buah dan dari segi penggalakan sebagaimana saya nyatakan tadi bermacam-macam cara yang kita laksanakan. Saya rasa tidak payahlah saya ulang. Saya telah nyatakan dengan begitu nyata tadi.

Salah satu daripada apa yang saya ingin tekankan di sini ialah berhubung dengan pinjaman yang kita hului kepada orang-orang yang ingin meneroka sebagai penangkap ikan di laut dalam.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada jumlah eksport ikan daripada Malaysia ini, negara-negara manakah kita mengeksport ikan-ikan tersebut dan berapakah pecahan dari segi jumlah eksport kepada negara-negara tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, sejak kebelakangan ini ataupun

sejak empat atau lima tahun kebelakangan ini, adakah angka menunjukkan bahawa eksport ikan kita meningkat ke negara-negara lain?

Soalan ketiga, apakah jenis dan mutu ikan-ikan yang kita eksport dan apakah jenis dan mutu ikan-ikan yang kita import?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan di sini bahawa kita mengeksport pada hari ini ikan kita ke Singapura dan jenis-jenis ikan yang kita eksport adalah udang, kerang, bawal putih dan tuna. Ikan yang kita import ialah ikan kembong, bawal putih, bawal hitam, tenggiri dan sebagaimana saya nyatakan tadi kita import dari Thailand, Indonesia dan Jepun. Berhubung dengan pecahan ini, agak sukar bagi saya hendak nyatakan di sini melainkan setelah dihulur notis kepada saya.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri belia ada sebut bahawa udang, kerang dan beberapa jenis ikan dieksport ke Singapura. Saya ingin mendapat tahu apakah jenis ikan, udang dan kerang yang diimport daripada negara-negara lain adalah sama dengan apa yang dieksport ke Singapura dan sekiranya ia ataupun sekiranya bukan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan pengeksportan ikan supaya local consumption, dengan izin, dapat ditunaikan oleh tangkapan-tangkapan ikan oleh nelayan-nelayan kita sendiri?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka jelaskan di sini bahawa saya nyatakan tadi bahawa kita mengeksport udang dan kita tidak mengimport udang harimau. Udang ini sebagaimana saya nyatakan, adalah mahal. Berhubung dengan ikan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat demi

mengurangkan pengeksportan ikan keluar negeri, saya rasa dengan cara kita melaksanakan tugas dari segi penangkapan ikan di laut dalam pada hari ini, tidak ada sebab kenapa kita patut kurangkan pengeksportannya.

Saya rasa semenjak 16-10-1987 sampai ke hari ini ikan tuna yang telah ditangkap di laut dalam berjumlah 585 metrik tan dan harganya kalau tidak silap saya bernilai lebih kurang \$1 juta. Kalau ikan yang kita dapati pada hari ini tidak dieksport, maka tidak ada makna langsung. Pada hari ini saya nyatakan bahawa elok benar untuk mendapat kewangan yang lebih banyak bagi negara, kita mengeksport ikan yang kita tangkap, khususnya ikan yang ditangkap di laut dalam.

PROTON SAGA—BILANGAN DIJUAL

6. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan Proton Saga yang dijual di pasaran tempatan dan luar negeri sehingga 30-9-87 dengan memberikan butir-butir lanjut tentang pelbagai negara dan bilangan unit yang dibeli;
- (b) berapakah kadar pengeluaran Proton Saga setiap bulan pada masa ini; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil oleh Proton untuk mempergiatkan eksport Proton Saga, mengurangkan import komponen CKD dari Jepun dan mengeluarkan sendiri alat-alat komponen kereta untuk kegunaan sendiri dan untuk syarikat-syarikat pemasangan.

24. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Britain telah mengesahkan pembelian Proton Saga dari Malaysia. Jika ya, sila nyatakan bilangan unit

setahun yang akan dibeli dan syarat-syarat penjualan kereta ini ke U.K.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kereta Proton Saga yang telah dijual di pasaran tempatan semenjak ia dilancarkan pada 1hb September, 1985 sehingga 31hb Ogos, 1987 adalah sebanyak 44,476 unit. Manakala jumlah yang telah dieksport sehingga 30hb September, 1987 ialah sebanyak 380 unit iaitu ke negara-negara seperti berikut:

Bangladesh	73 unit
Brunei Darussalam ..	45 unit
New Zealand	167 unit
Malta	80 unit
Sri Lanka	15 unit
	Jumlah .. 380 unit

Pada masa ini kadar pengeluaran kereta Proton Saga adalah sebanyak 2,000 unit tiap-tiap bulan. Untuk mempergiatkan lagi eksport kereta Proton Saga, Proton telah menjalankan usaha-usaha seperti berikut:

1. Mengenalpasti dan menambah bilangan negara-negara pengimport kereta nasional dalam bentuk sekarang iaitu tanpa sebarang pindaan khusus negara-negara yang menggunakan kereta-kereta yang dipandu sebelah kanan ataupun, dengan izin, right-hand drive.
2. Untuk mengenalpasti pasaran-pasaran besar seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom di mana kereta Proton Saga akan dijual selepas menjalani penyesuaian teknikal yang diperlukan. Perancangan dan persediaan sedang dijalankan untuk memasarkan kereta nasional ke negara-negara tersebut.

3. PROTON sedang mengambil usaha-usaha gigit untuk menurunkan kos pengeluaran supaya harga kereta Proton Saga lebih kompetitif di pasaran luar negeri.

Bagi mengurangkan import komponen CKD dari Jepun, PROTON telah menjalankan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kandungan tempatan dalam kereta nasional dengan menggalakkan industri tempatan mengeluarkan komponen-komponen kereta nasional kereta Proton Saga.
- (ii) Mendapatkan bahan-bahan dan komponen dari negara-negara selain daripada Jepun. Dalam hal ini beberapa negara telah dikenalpasti iaitu Korea, Taiwan dan Australia.

Usaha ini dijalankan untuk mengelakkan dari membayar harga yang tinggi bagi komponen CKD dari Jepun disebabkan kenaikan nilai matawang Yen. Pada masa ini PROTON telah mengeluarkan komponen-komponen badan kereta untuk kegunaan sendiri. PROTON juga sedang mengkaji kemungkinan untuk mengeluarkan badan-badan kereta untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat pemasangan kereta yang lain.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Proton telah mengenalpasti jenis alat-alat komponen kereta Proton Saga yang dapat dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan dan sekiranya ada berapakah jenis alat-alat komponen yang telah dikenalpasti itu.

Yang kedua, adakah pihak Proton dapat menetapkan tempoh ataupun masa di mana alat-alat komponen ini

dapat dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan.

Soalan tambahan yang ketiga, ialah apakah usaha-usaha yang lebih lanjut yang telah diambil oleh pengeksport Proton Saga ke United Kingdom khususnya selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke United Kingdom.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada badan kereta, Proton telah mengenalpasti lebih kurang 33 jenis komponen yang akan dibuat di Malaysia. Proton tidak menentukan had masa untuk jenis-jenis perkakas ini dikeluarkan di Malaysia kerana Proton mementingkan teknikal yang begitu rapi supaya kereta ini akan menandingi dengan kereta-kereta yang lain daripada segi teknikalnya.

Untuk soalan ketiga kandungannya adalah sebagai soalan No. 24. Jadi, saya tidak suka untuk menyentuhnya kecuali kalau Tuan Yang di-Pertua membenarkan, saya boleh menjawab soalan yang ketiga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Terserah kepada Menteri hendak menjawab atau tidak menjawab. Hendak menjawab?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Saya jawab terus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila teruskan.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Perusahaan Otomobil Nasional (Sdn) Bhd telah pun menandatangani surat hasrat dengan sebuah syarikat dari United Kingdom iaitu sebuah syarikat yang bernama Proton Cars (U.K.) Ltd pada 24hb Julai 1987 bagi mengedarkan Kereta Nasional di negara tersebut mulai awal

tahun 1989. Jumlah kereta yang akan dibeli oleh Proton Cars (U.K.) Ltd ini adalah sebanyak 48,000 unit, iaitu lebih kurang 9,600 unit tiap-tiap satu tahun. Syarat-syarat jualan secara terperinci bagi tempoh tersebut akan dirundingkan dengan pihak yang berkenaan dalam bulan November ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang benar kalau kita meneliti angka-angka penjualan Proton Saga di pasaran dalam negeri agak memuaskan dan menduduki tempat yang pertama. Tetapi apabila kita meneliti angka-angka penjualan di luar negeri tadi ternyata sekali 380 unit adalah merupakan satu angka yang tidak dapat menembusi pasaran antarabangsa. Saya mahu tahu, apakah sebab-sebab utama kita tidak dapat menembusi pasaran antarabangsa dan apakah langkah, usaha serta tindakan bagi memastikan bahawa penjualan Proton Saga ini dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa kereta Proton Saga ini baru sahaja dibuat di Malaysia dan ia merupakan satu pengeluaran jenis kereta yang terbaru di negara ini dan juga di seluruh dunia. Oleh sebab itu maka kita memerlukan masa untuk membuat penyelidikan yang lebih teliti lagi supaya orang luar akan mengenal kereta Proton Saga. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan di sini bahawa mengikut strategi pasaran kita yang telah dibuat oleh Syarikat Proton Saga sudah banyak negara-negara yang besar seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi, telah menunjukkan minat untuk membeli dan memasarkan kereta Proton Saga ini.

Untuk menjawab soalan yang kedua, iaitu langkah-langkah untuk meningkatkan lagi pasaran Kereta

Nasional kita ini di luar negeri, selain daripada yang saya jawabkan dalam soalan asal, Proton telah juga mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi pasaran Kereta Nasional di luar negeri.

Pertama sekali kita akan menyebarkan maklumat serta memperkenalkan Proton Saga melalui Pejabat Kedutaan Malaysia dan juga Pejabat Persuruhjaya Perdagangan di seberang laut.

Yang kedua, kita akan mengenalpasti pengedar-pengedar yang berminat untuk menjadikan wakil penjual Proton Saga di negara-negara tersebut.

Yang ketiga, kita akan mendapatkan maklumat mengenai pasaran kereta motor di negara-negara tertentu seperti peraturan atau undang-undang di negara berkenaan bersabit dengan tender dan jualan Kerajaan. Dengan hal yang demikian, kita berharap supaya kita akan dapat membuat satu strategi yang lebih bernas untuk menembusi pasaran kereta di negara-negara tersebut.

Yang keempat, kita akan menyertai rombongan perdagangan keluar negeri seperti yang pernah dibuat di Vancouver dan juga di Dallas di Amerika Syarikat.

Yang kelima, kita akan membuat susulan untuk mendapatkan pengecualian tarif bagi kemasukan dan penjualan kereta Proton Saga ini ke negara-negara yang tertentu.

Selain daripada itu kita akan meminta pihak Proton supaya mengambil langkah-langkah yang lazim dibuat untuk menembuskan pasaran-pasaran kereta di negara-negara yang lain mengikut keadaan di negara-negara yang tertentu.

BARANG-BARANG HAK KERAJAAN

7. **Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana beberapa jenis barang, seperti pisau lipat, pisau dan "smokeless fuel tablets" yang menjadi Hak Kerajaan dan diguna oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis di Raja Malaysia dapat dibeli di kedai biasa walaupun sudah nyata sekali barang-barang ini tidak boleh dijual kepada ramai dan ia hanya boleh dibekalkan kepada pihak tentera dan polis, sama ada sebarang siasatan dijalankan untuk menentukan bagaimana barang-barang ini dijual kepada orang awam dan apakah tindakan telah diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan menjual barang-barang yang tidak dibenarkan dijual kepada orang ramai serta siapakah yang terlibat dalam kegiatan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak polis belum menerima laporan mengenai apa-apa jenis senjata dan alat-alat kelengkapan tentera serta polis yang dijual kepada orang awam. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti mengenai perkara tersebut, eloklah Ahli Yang Berhormat membuat laporan polis sewajarnya supaya siasatan dapat dijalankan.

Tuan P. Patto: Tidakkah pihak polis sedar bahawa terdapat laporan-laporan dalam akhbar tempatan mengenai perkara ini dan tidakkah menjadi satu tanggungjawab pihak polis untuk meneliti setiap kenyataan atau laporan yang terdapat juga dalam akhbar mengenai perkara-perkara yang bersabit dengan tanggungjawab pihak polis dan sekiranya ada tentulah pihak polis sudahpun memulakan satu siasatan tentang perkara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya serupa juga dengan Yang Berhormat setiap pagi membaca akhbar. Belum lagi saya terlintas di akhbar-akhbar mana yang mengatakan bahawa ada barang-barang daripada polis dan tentera dan dijual di tempat-tempat yang tertentu yang boleh polis bertindak. Lagi satu perkara ialah laporan polis tidak dapat kita mempertanggungjawabkan kerana kita tidak tahu siapa yang memberi perkhabaran atas berita tersebut.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh, sekali sahaja Yang Berhormat.

SISWAZAH WANITA SEBAGAI SURI RUMAHTANGGA

8. **Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pendidikan menerangkan ucapan Timbalan Canselor Universiti Teknologi di Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi 1987 berhubung dengan Peranan Siswazah Wanita sebagai "Suri Rumahtangga" ketika negara menghadapi zaman ekonomi meleset adalah sangat-sangat mengelirukan semua pihak:

- (a) adakah Menteri Pendidikan mengakui bahawa kefahaman dan pandangan serupa ini telah menular ke ramai daripada pensyarah-pensyarah juga penuntut-penuntut bukan sahaja di Universiti Teknologi bahkan ke institusi tinggi dalam negeri juga luar negeri; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan agar kefahaman dan pandangan yang sempit dan negatif ini tidak berterusan yang akhirnya akan merugikan bangsa dan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan Yang Berbahagia Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia itu sebenarnya telah disalahfahamkan atau disalah tafsir oleh banyak pihak. Tidak ada bukti bahawa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berbahagia Naib Canselor itu telah memberi kesan yang buruk atau melemahkan semangat kaum wanita sama ada yang sedang berkhidmat atau menuntut di institut-institut pengajian tinggi tempatan atau di luar negeri.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa warganegara perempuan mempunyai undi yang sama dengan warganegara lelaki. Sekiranya sedar, sama ada Kerajaan akan terus meyakinkan rakyat jelata bahawa pendapat-pendapat "reactionair" seperti yang disuarakan oleh Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia tidak akan diterima oleh Kerajaan dan Kerajaan akan terus menentukan hak dan peluang yang sama kepada semua warganegara kita tanpa mengira jantinya.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang sedar.

Mengenai soalan yang kedua, Kementerian atau Kerajaan sentiasa menimbangkan keperluan untuk peluang bekerja, menimbangkan dengan keadaan yang pragmatik dan soal lelaki atau wanita tidak timbul.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebenarnya kenyataan yang betul yang dikeluarkan oleh Naib Canselor Universiti Teknologi

Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Ainuddin Wahid sebab yang kita tahu beliau hanya mencadangkan kaum laki-laki diberi keutamaan dalam keadaan suasana kesusahan mendapat pekerjaan dengan tidak menafikan hak dan peranan kaum wanita. Kalaulah apa yang saya tahu ini betul, apakah Kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan dasar ini oleh kerana setiap masa apabila kita mempunyai masalah, sentiasa kita mengambil sikap pragmatik, iaitu memberi keutamaan (priority) yang dikira boleh membantu menyelesaikan masalah-masalah negara.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama Yang Berhormat dari Pasir Mas, kenyataan yang pernah dibuat oleh Yang Berbahagia Naib Canselor itu ialah kita rujukkan, dengan izin:

"Dalam keadaan ekonomi yang merosot begini dan kurangnya jawatan kosong, eloklah siswazah-siswazah wanita biarkan dahulu peluang-peluang pekerjaan itu diambil oleh siswazah lelaki".

Beliau tidak pernah menyatakan bahawa peranan siswazah wanita ialah sebagai suri rumahtangga.

Untuk soalan kedua, Kementerian sentiasa menimbangkan keperluan secara pragmatik dan yang sentiasa kita amalkan sekarang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat faham bahawa kenyataan yang disahkan oleh Yang Berhormat tadi adalah merupakan corak MCP. Kalau sedar, yang sangat mementingkan mendiskriminasikan kaum wanita — MCPnya. Jadi, adakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, terutamanya Kementerian Pendidikan terhadap Naib Canselor itu?

Dr Leo Michael Toyad: Tidak perlu, Tuan Yang di-Pertua.

JENAYAH SEKS

9. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan memandangkan meningkatnya jenayah-jenayah seks semenjak tahun 1980 terhadap kanak-kanak dan wanita seperti dibuktikan oleh angka-angka yang dikeluarkan oleh pihak polis, adakah Menteri berkenaan bercadang menghalalkan dari segi undang-undang pelacuran sebagai salah satu cara untuk memerangi jenayah-jenayah seks yang dilakukan oleh orang-orang yang kecewa dari seks dan "sakit" (sick persons) agar mereka ini dapat melepaskan geram mereka dengan cara terkawal yang akan mengurangkan kadar jenayah seks seperti terbukti di negara-negara seperti Sweden dan Jerman Barat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang ambil minat dan perhatian kepada golongan ini.

Untuk menjawab soalan ini, Kerajaan tidak bercadang menghalalkan pelacuran.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pandangan pihak Kerajaan apakah undang-undang yang sedia ada sudah memadai untuk mengawal ataupun memerangi jenayah seks? Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada sekarang?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang memang selalu mengkaji segala cadangan dan pandangan serta reaksi

masyarakat terhadap usaha-usaha memerangi jenayah-jenayah seks dan pelacuran. Dalam masa sekarang Kementerian Kebajikan Masyarakat melalui Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 dan seksyen-seksyennya mentadbirkan beberapa masalah mengenai gadis dan wanita di dalam usaha pelacuran ini di mana-mana sahaja, seperti membuatkan institusi di mana Kerajaan sekarang dapatlah menahankan gadis dan wanita yang melibatkan dalam pelacuran ini dan dibuatkan satu usaha yang membahayakan moralnya dalam institusi Taman Seri Puteri yang diadakan di seluruh negara sekarang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa mangsa-mangsa kepada tindakan penjenayah seks itu selepas peristiwa itu mengalami "emotional trauma", dengan izin, dan pertubuhan-pertubuhan wanita pun telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mendirikan pusat khas untuk membantu mereka, seperti kaunseling ataupun bantuan guaman dan sebagainya secara satu pusat yang dapat disifatkan sebagai "rape crisis centre", dengan izin, apakah dasar Kerajaan terhadap cadangan ini? Adakah peruntukan khas akan dibuat supaya cadangan ini dapat dilaksanakan untuk memelihara, melindungi dan menyelamatkan mangsa-mangsa penjenayah seks?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sudah menjawab tadi, Kerajaan memang sudah mengkaji segala cadangan dan pandangan serta masalah ini.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah di dalam makluman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa di negara-negara tertentu yang menghalalkan atau mengeluarkan

lesen pelacuran itu ataupun kawasan pelacuran, jenayah sex sudah tidak ada.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, dasar itu saya sendiri tak sedar. Kementerian saya pun, saya rasa tak ada angkanya juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak ada rasalah (*Ketawa*). Cukuplah, Ahli Yang Berhormat.

KESTABILAN HARGA MINYAK OPEC

10. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam usaha-usaha anggota-anggota OPEC dan bukan OPEC mengawal pengeluaran dan kestabilan harga minyak supaya harga komoditi ini terjamin dan tidak menjejaskan industri minyak di negara ini.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1985 apabila Pertubuhan OPEC membuat keputusan untuk mengurangkan pengeluaran sebagai langkah untuk menstabilkan harga minyak antarabangsa, Kerajaan telah menyokong usaha-usaha Pertubuhan Opec itu dan telah mengurangkan pengeluaran minyak mentah negara daripada jumlah pengeluaran yang telah ditetapkan dalam lingkungan 2%-6% bagi tahun 1985-1986.

Kerjasama di antara negara-negara Opec dan bukan Opec mengurangkan pengeluaran minyak mentah masing-masing telah berjaya meningkatkan harga minyak mentah. Misalnya, harga rasmi minyak mentah jenis tapis dalam bulan September, 1987 ialah sebanyak US\$19 satu tong berbanding dengan US\$10.50 satu tong dalam bulan Julai, 1986.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Apakah pendirian kilang penapis minyak yang dicadangkan oleh Petronas di Melaka akan menambahkan pengeluaran minyak mentah negara kita apabila kilang itu didirikan dan jika tidak ataupun ya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bilakah Petronas bercadang untuk mendirikan kilang penapis minyak di Melaka yang dirancangkan itu?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, tapak untuk mendirikan kilang penapis minyak di Melaka telahpun diperolehi dan pihak Petronas sekarang ini sedang meneliti cara-cara bagaimana untuk mendirikan penapisan minyak itu di Melaka.

Petronas sedang membuat beberapa kajian dan beberapa unjuran untuk menentukan keupayaan penapisan minyak itu di Melaka dan selepas sahaja masalah teknikal yang perlu didapati, pihak Petronas akan membawakan cadangan itu kepada pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan nanti seterusnya akan membuat keputusan yang muktamad kelak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kestabilan harga minyak itu banyak bergantung kepada jumlah pengeluaran minyak dan baru-baru ini Kerajaan kita telah mengumumkan untuk menambahkan pengeluaran minyak, adakah pengumuman itu telah mendapat bantahan daripada negara-negara anggota OPEC secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukanlah menjadi ahli OPEC tetapi sebagai langkah untuk menyokong menstabilkan harga minyak di dunia ini, kita selalunya mematuhi cadangan OPEC. Pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan untuk menambahkan pengeluaran minyak baru-baru ini

tidak mendapat apa-apa teguran daripada mana-mana pihak iaitu daripada ahli-ahli OPEC ataupun pengeluar minyak yang lain. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, keputusan untuk meningkatkan pengeluaran minyak ke 500,000 sehari itu sebenarnya adalah lebih rendah daripada apa yang telah unjurkan dalam pengeluaran minyak kita tahun 1987 iaitu 520,000 tong satu hari. Ini bermakna bahawa kenaikan yang diumumkan itu sebenarnya adalah rendah daripada yang telah unjurkan sebelum itu.

LESEN BROKER SAHAM

11. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mengambil kira memperuntukkan lesen-lesen broker saham kepada lain-lain bank inkorporated selain dari Bank Bumiputra, UMBC dan Malayan Banking Berhad. Jika tidak, kenapa.

18. Tuan James Jimbun Punga minta Menteri Kewangan menyatakan kepada Dewan apakah sebabnya memberi Lesen Broker kepada Institusi Kewangan untuk memainkan peranan yang aktif di pasaran saham.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa soalan ini dan soalan 18 adalah soalan-soalan yang agak sama, izinkan saya memberi jawapan atau menjawabkannya dengan sekaligus dan membincangkannya bersama-sama.

Bagi menjawab soalan 11, Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa tujuan Kerajaan dalam pemberian lesen-lesen kepada bank-bank tersebut di atas baru-baru ini.

Pada asasnya, tujuan-tujuan ini ialah meningkatkan modal asas serta

mewujudkan kepakaran dan profesionalisme yang lebih tinggi di dalam perindustrian sekuriti. Dengan mengambil kira tujuan-tujuan tersebut, maka ketiga-tiga bank di atas telah dikenalpasti berdasarkan modal asas serta hubungan dan kaitan antarabangsa yang telah meletakkan mereka di tempat yang sesuai dalam usaha menggalakkan "internationalisation", dengan izin, perindustrian sekuriti di Malaysia.

Sebagaimana maklum, Kerajaan telah memberikan penekanan yang kuat ke atas pencapaian tujuan-tujuan tersebut sebagaimana ternyata dalam syarat-syarat yang telah dikenakan kepada lesen-lesen mereka. Buat masa ini adalah terlalu awal untuk menentukan tahap pencapaian tujuan-tujuan tersebut. Jika didapati perlu, Kerajaan akan menimbang untuk mengkaji semula polisinya berhubung dengan perkara ini.

Bagi menjawab soalan 18, Tuan Yang di-Pertua, mungkin jawapan ini berulang sedikit. Walaupun 1½ tahun telah berlalu sejak ia dipersoalkan, penyertaan badan koporet di dalam perindustrian sekuriti tidak ada menampakkan kemajuan yang diharapkan, pihak Kerajaan di dalam usahanya untuk mempercepatkan proses percantuman di kalangan para peserta yang berkeelayakan mendapati masih ada keraguan ditunjukkan oleh calon-calon berkenaan yang mendakwa bahawa masih wujud halangan-halangan asas yang menjejaskan kemajuannya.

Walau bagaimanapun, oleh kerana langkah penyertaan badan koporet di dalam perindustrian sekuriti adalah penting di dalam usaha menggiatkan semula perindustrian sekuriti yang sedang menghadapi kemelesetan, Kerajaan berpendapat bahawa amatlah perlu supaya bidang penyertaan di dalam institusi ini diperluaskan. Ini termasuklah

mengeluarkan lesen-lesen kepada ketiga-tiga bank yang terkemuka yang telah dikenalpasti untuk mengepalai langkah penyertaan badan koporet di dalam perindustrian sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa objektif-objektif langkah penyertaan badan koporet di dalam perindustrian sekuriti adalah untuk meningkatkan modal asas industri, mewujudkan pasaran yang bertaraf antarabangsa dan meningkatkan paras profesionalisme di dalam industri sekuriti.

Dalam hal ini ketiga-tiga institusi kewangan yang dimaksudkan tadi dengan kriteria mempunyai sumber kewangan yang kukuh, perhubungan dengan firma broker saham dan institusi kewangan luar negeri yang bertaraf antarabangsa di samping terkenal dengan paras nasionalismenya yang tinggi dijangka akan dapat memastikan pencapaian objektif-objektif langkah Kerajaan itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi bila mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan Kerajaan hendak menggalakkan industri sekuriti di negara kita, oleh sebab itu, kalau itu betul, saya mahu tanya, apakah sebabnya badan koperasi, institusi kewangan, share broker dihadkan kepada tiga bank sahaja — UMBC, Malayan Banking dan Bank Bumiputera? Apakah sebab dihadkan? Sedangkan ada lain-lain bank yang masih banyak hendak memasuki perindustrian sekuriti itu.

Dan soalan kedua, adakah Kerajaan sedar dan faham bahawa satu contoh di London di mana ada diregulatekan dan ada menemui, menjumpai banyak bank international dari negara luar seperti Jepun dan Amerika Syarikat telah membuka broker saham di sana, apakah sebab kita tidak mengikutinya, sebab "big banks" di sana ada begitu

maju dalam perusahaan sekuriti yang sangat menggalakkan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa Kerajaan negara kita ini mengambil sikap ataupun bersikap jujur, bersikap ikhlas untuk menaikkan taraf profesionalisme perindustrian sekuriti di dalam negara kita ini. Walaupun Kerajaan kita mempunyai sikap begitu, ini tidak bermakna bahawa Kerajaan kita memberikan lesen-lesen kepada semua atau sebahagian besar institusi-institusi kewangan untuk menyertai mereka dalam bidang tersebut.

Tadi, saya telah katakan dalam jawapan saya, sesuatu badan dipertimbangkan dan diberikan lesen broker tersebut adalah institusi kewangan itu haruslah mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Yang kedua, berhubung dengan firma broker saham dan institusi kewangan luar negeri yang bertaraf antarabangsa dan terkenal dengan taraf profesionalismenya yang tinggi. Ini ada tiga kriteria yang Kerajaan atau Kementerian Kewangan menimbangkan sebelum lesen tertentu diberikan.

Jadi, berkenaan dengan kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan keadaan di London, saya tidak harap menyentuh perkara ini oleh kerana apa polisi yang dijalankan oleh Kerajaan lain tidak semestinya Kerajaan kita ini mengikutinya. Walau bagaimanapun saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan supaya kita akan menyiasat. Jikalau perlu dan jikalau boleh kita akan membuat sesuatu untuk kepentingan negara kita ini. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah

Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan masa tempoh yang diambil untuk meluluskan lesen yang dipohon oleh sesuatu bank untuk brokerage ini. Dan bolehkah Yang Berhormat sekali lagi menerangkan kriteria yang mendorong pihak Kementerian untuk memilih Bank Bumiputra, UMBC dan Malayan Banking. Kerana setakat ini saya belum faham lagi apakah kriteria yang digunakan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tempoh masa yang digunakan atau yang diperlukan oleh Kementerian Kewangan atau Kerajaan untuk memberikan lesen atau memproses permohonan lesen broker yang tersebut, saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Tetapi dalam jawapan saya tadi, saya katakan walaupun sudah 1½ tahun tempoh masa diberikan kepada perindustrian sekuriti untuk mengambil langkah supaya menyertai sendiri khususnya badan koporat ke dalam perindustrian sekuriti. Dan nampaknya kemajuan itu tidak begitu memuaskan. Dan sejak itu Kerajaan mula untuk mengambil atau mempertimbangkan mengambil langkah supaya lesen-lesen broker diberikan kepada badan-badan koporat yang berkecayakan.

Jadi, berkaitan dengan tempoh masa yang beberapa panjang adalah satu masalah pentadbiran. Tetapi saya nampak masanya tidak panjang daripada 1½ tahun.

Berkenaan dengan kriteria tadi, walaupun saya tidak ingin mengulangi tetapi untuk "friendship" kedua-dua kita tidak apalah saya mengulangi sekali lagi. (*Boo!*) Ketiga-tiga kriteria itu ialah:

- (1) mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Institusi kewangan yang tersebut haruslah mempunyai sumber kewangan yang kukuh;

- (2) perhubungan dengan firma broker saham dan institusi kewangan luar negeri yang bertaraf antarabangsa; dan
- (3) terkenal dengan taraf profesionalisme yang tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa untuk Soal Jawab mulut selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2 dan 12 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

TARIF BAYARAN LETRIK

1. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan kos menjana kuasa letrik di negeri Perak hanya antara 0.4 sen hingga 1.4 sen setiap unit jika berbanding dengan negeri yang lain di mana kosnya meningkat ke 15 sen setiap unit, oleh yang demikian, sama ada Kementerannya akan mengkaji semula untuk menurunkan kadar bayaran letrik di negeri Perak, jika tidak, mengapa.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Lembaga Letrik Negara (LLN) tidak mengamal dasar membezakan tarif mengikut kawasan kerana amalan sedemikian sukar dipertahankan dari segi dasar, malah tidak diterima umum. Sungguhpun 35%-40% daripada jumlah keupayaan janakuasa LLN terdapat pada setesen-stesennya di negeri Perak, namun ini tidak bermakna bahawa bekalan elektrik dari sesuatu stesen penjanaan hanya akan disalurkan khusus untuk pengguna-pengguna dalam negeri terletaknya stesen tersebut. Bekalan elektrik dari stesen-stesen penjanaan LLN adalah disambungkan ke grid kebangsaan untuk disalurkan kepada semua pengguna di seluruh

Semenanjung Malaysia dan tarif yang dikenakan adalah sama rata mengikut kelasifikasi pengguna. Justeru, Kementerian ini tidak mempunyai cadangan untuk menurunkan kadar bayaran elektrik di negeri Perak vis-à-vis negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

KAMPUNG NELAYAN

2. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan kampung-kampung nelayan yang telah ditubuhkan dan bilangan nelayan yang rela meninggalkan laut dan berhijrah ke darat untuk mencari nafkah mereka, adakah perubahan ini menimbulkan masalah kepada nelayan jika ya, sila beri sebab-sebabnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kementerian Pertanian tidak menubuhkan kampung-kampung nelayan kerana kampung-kampung nelayan memang telah sedia wujud di persisiran pantai. Walau bagaimanapun Kementerian Pertanian menerusi LKIM ada memperkenalkan Skim Perumahan Nelayan yang bertujuan untuk mewujudkan perkampungan nelayan yang tersusun dan selesa. Kerajaan-kerajaan Negeri perlu menyediakan kawasan-kawasan yang sesuai untuk menjayakan rancangan ini. Peranan yang dimainkan oleh LKIM ialah sebagai fasilitator kepada Skim Perumahan Nelayan ini. Pelaksanaan skim ini dibuat secara bersepadu di mana agensi-agensi seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Agensi/Jabatan di bawah Kementerian Pertanian juga melibatkan diri di dalam melaksanakan skim ini.

Setakat ini seramai 847 orang nelayan telah memohon untuk menyertai Rancangan Tanah FELDA dan daripada jumlah tersebut seramai 138 orang telah pun berjaya memasuki

rancangan tanah FELDA sebagai peneroka. Bagi nelayan-nelayan yang mengubah pekerjaan kepada peneroka beberapa masalah sering dihadapi seperti tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan hidup sebagai peneroka. Berikutan daripada masalah-masalah ini terdapat segelintir nelayan yang meninggalkan rancangan FELDA. Usaha sedang dijalankan oleh LKIM dan agensi-agensi yang berkenaan untuk memastikan supaya nelayan-nelayan ini terus kekal sebagai peneroka.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DI SEKOLAH

12. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Abdul Latif minta Menteri Pendidikan menerangkan sejak diwujudkan Bahagian Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan dan diwujudkan pula pegawai-pegawai dakwah di peringkat Persekutuan dan di Negeri-negeri sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam di kalangan murid-murid sekolah dapat dihasilkan dan adakah gejala-gejala buruk yang berlaku di kalangan setengah murid tidak menghormati guru, penyalahgunaan dadah dan lain-lain menunjukkan fungsi Bahagian ini kurang berkesan, jika benar, apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasinya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pegawai-pegawai Unit Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan Negeri-negeri telah menjalankan kewajipan dan bertanggungjawab mengikut senarai tugas yang telah ditetapkan dengan penuh azam dan tekun. Ada pun keberkesanan penerapan nilai-nilai Islam di kalangan murid-murid sekolah bukan hanya berkaitan dengan

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan dan Unit Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri sahaja, bahkan berkaitan juga dan memerlukan kerjasama dengan semua pihak termasuk pentadbiran sekolah, pendidikan rumah tangga dan alam persekitaran atau masyarakat.

Keberkesanan program pendidikan Islam di kalangan pelajar-pelajar Islam khususnya, adalah bertambah baik kerana pelajar-pelajar yang dalam kegiatan Islam dan berusaha menghayatinya adalah bertambah ramai. Walau bagaimanapun tidak dinafikan terdapat sebilangan kecil pelajar-pelajar yang masih ketinggalan, kerana sebab-sebab sampingan.

Mengenai hubungan di antara program penerapan nilai Islam dengan masalah najis dadah di sekolah-sekolah, Pegawai Khas Pendidikan Pencegahan Dadah di Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan pegawai-pegawai dakwah dalam usaha menghapuskan gejala buruk ini. Di antara aktivitiya ialah mengadakan kerjasama rapat antara kedua-dua pegawai ini iaitu melalui:

- (i) ceramah-ceramah kesedaran anti-dadah kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di mana ditekankan bukan sahaja bahaya dadah tetapi juga perlunya seseorang itu meningkatkan iman melalui amal ibadat dan berbudi pekerti mulia sebagaimana yang dituntut oleh Islam.
- (ii) ceramah-ceramah kesedaran kepada ibu bapa melalui aktiviti persatuan ibu bapa dan guru di mana ditekankan perlunya ibu bapa memberi bimbingan kepada anak-anak mereka supaya berakhlak mulia dan sentiasa mengikut ajaran agama Islam sebagai usaha

menjauhkan anak-anak dari terjerumus ke dalam bahaya dadah.

- (iii) kursus pendidikan pencegahan dadah untuk guru-guru di mana "Penyalahgunaan dadah dari segi pandangan Islam" menjadi tajuk perbincangan bengkel bagi guru-guru yang menghadiri kursus ini.

SRJK (C) TRUE LIGHT— PROJEK TAMBAHAN

13. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah wang peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian beliau untuk membina projek-projek pembangunan di SRJK True Light di Perkampungan Juru dalam daerah Seberang Perai Tengah akan disampaikan kepada Jabatan Kerja Raya supaya projek-projek tersebut dapat dilaksanakan dan kenapa begitu lambat wang itu disampaikan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun projek brif tambahan SRJK (C) True Light di perkampungan Juru, Seberang Perai Tengah telah dikeluarkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat, tetapi oleh kerana kedudukan kewangan yang terhad, ianya tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, bila terdapat peruntukan yang mencukupi, Kementerian ini akan menimbangkannya semula.

JABATAN KEHAKIMAN— PERUNTUKAN

14. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbangkan tentang menguntukkan lebih banyak

wang untuk Jabatan Kehakiman supaya lebih banyak Hakim Mahkamah Tinggi, Presiden Mahkamah Session, Majistret dan pegawai mahkamah dapat dilantik; dan

- (b) kenapa peruntukan bagi mahkamah-mahkamah di-anggaran belanjawan tahunan diletakkan di bawah bahagian perkhidmatan sosial.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Kerajaan menyediakan peruntukan kepada semua Kementerian/Jabatan Kerajaan pada setiap tahun termasuk Kementerian Kehakiman berdadarkan keperluan serta kemampuan Kerajaan untuk membiayainya. Bagi Kementerian Kehakiman, peruntukan yang telah disediakan adalah mencukupi untuk menampung kesemua jawatan yang telah diluluskan di bawah Kementerian dalam tahun semasa. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Khas telahpun ditubuhkan untuk mengkaji keperluan perjawatan Kementerian Kehakiman secara keseluruhannya. Jawatankuasa Khas ini terdiri dari berbagai agensi Kerajaan yang terlibat termasuk MAMPU, dan tumpuan khas akan diberi bagi mencari jalan untuk mengatasi kes-kes tertangguh di mahkamah-mahkamah. Seterusnya pertimbangan juga akan diberi untuk menyediakan peruntukan yang lebih banyak kepada Kementerian Kehakiman bagi pertambahan jawatan-jawatan yang didapati perlu diwujudkan kelak.

- (b) Peruntukan bagi mahkamah-mahkamah di bawah anggaran

belanjawan tahunan sama ada Belanja Mengurus atau Pembangunan adalah diletakkan di bawah Sektor Pentadbiran, dan bukan di bawah bahagian perkhidmatan sosial. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kehakiman telah diletakkan di bawah Sektor Pentadbiran kerana tujuan serta fungsinya adalah untuk menentukan bahawa pentadbiran kehakiman dan keadilan mengikut kuasa-kuasa perundangan tertentu dilaksanakan dengan adil, cekap dan berkesan.

KAWALAN TEMPAT IBADAT

15. Tuan Mohamad Subky bin Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah serta tindakan bagi mengelakkan atau mengawal tempat-tempat ibadat supaya tidak dinodai oleh anasir-anasir, seperti yang telah berlaku di Negeri Pahang Darul Makmur baru-baru ini, supaya kesucian serta kedaulatan semua agama terjamin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tempat-tempat ibadat Islam adalah dibawah kelolaan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri. Sementara tempat ibadat/bukan Islam adalah di bawah bidang tugas badan-badan pentadbir masing-masing. Langkah daripada pihak Kerajaan adalah menerusi kawalan keselamatan.

TANAMAN KOMERSIAL

16. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertanian menjelaskan petani kita hari ini bergantung kepada hasil getah, kelapa sawit dan koko sahaja sebagai tanaman komersial. Adakah Kerajaan mencari jenis pertanian lain sebagai tanaman

komersial untuk diusahakan oleh petani-petani kita di negara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Di samping komoditi-komoditi pertanian utama negara ini, Kerajaan telah juga mengenalpasti beberapa aktiviti pertanian lain yang boleh diusahakan secara komersial dan ianya meliputi beberapa buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan hasil pertanian.

Sebanyak 15 jenis buah-buahan didapati berpotensi untuk diusahakan secara besar-besaran, iaitu pisang, betik, nenas, belimbing, tembikai, mangga, durian, nangka, rambutan, limau, duku langsung, ciku, jambu batu, cempedak dan manggis. Antara jenis sayur-sayuran yang mempunyai potensi yang luas ialah kobis dan asparagus. Di sektor ternakan pula, perusahaan daging lembu secara sistem berkurung (feedlot) dan daging biri-biri dengan ternakan disepadukan dengan ladang getah atau kelapa sawit mempunyai potensi untuk diusahakan di tahap komersial. Di sektor perikanan, perusahaan ternakair dan perikanan laut dalam dikenalpasti untuk diusahakan secara komersial.

Pengeluaran komoditi-komoditi tersebut akan dipergiatkan dengan memberi tumpuan utama kepada penggunaan varieti-varieti yang berhasil tinggi, pemilihan kawasan pengeluaran yang berdekatan dengan pasaran dan pusat pemerosesan, saiz pengeluaran yang memberi pulangan ekonomi bidangan serta dengan menggalakkan penyertaan usahawan secara persyarikatan dalam usaha pengeluaran makanan secara besar-besaran.

AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN

17. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini, kemajuan yang dicapai oleh setiap satu

daripada 24 buah jawatankuasa kecil yang ditubuh oleh Kementerian untuk mengawasi pandangan-pandangan orang ramai terhadap berbagai-bagai aspek Akta Pelajaran 1961; dari segi:

- (a) bilangan memorandum yang diterima dari persatuan-persatuan atau organisasi-organisasi;
- (b) penyediaan laporan yang bakal akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pendidikan yang diketuai oleh Menteri sendiri; dan
- (c) bilakah garis panduan mengenai kajian semula akta tersebut dapat disediakan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan telah menerima sebanyak 28 buah memorandum dari persatuan-persatuan dan organisasi-organisasi mengenai Akta Pelajaran 1961. Oleh kerana kajian ini masih dalam peringkat awal lagi, kemajuannya belum dapat diumumkan.

(Soalan No. 18. Sila lihat jawapan No. 11).

PEKERJA WARGANEGARA ASING

19. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaiakah rakyat negara asing yang bekerja di dalam negara ini dengan memberitahu jumlah yang dibawa keluar oleh mereka setiap tahun bagi 5 tahun ini serta memberi pecahan jenis kerja-kerja yang dipegang oleh mereka dan kenapakah mereka-mereka ini tidak dapat digantikan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Warganegara-warganegara asing
dibenarkan bekerja di negara ini
adalah dengan tujuan untuk:

- (i) membolehkan mereka mewakili pelabur-pelabur asing yang melabur di Malaysia atau mewakili syarikat-syarikat asing yang mempunyai cawangan di sini;
- (ii) mengisikan kekosongan pekerjaan-pekerjaan yang belum lagi dapat diisi oleh warganegara Malaysia.

Jika warganegara-warganegara asing itu tidak dibenarkan bekerja di negara ini bagi mewakili pelabur-pelabur asing atau syarikat-syarikat asing pula mungkin tidak berminat untuk membuka cawangan-cawangan mereka di sini.

Sehingga 16-9-1987, seramai 18,490 warganegara asing telah dikeluarkan Pas Kerja untuk bekerja di Malaysia dan angka ini dipecahkan seperti berikut:

- (i) 1,364 orang mewakili pelabur-pelabur dengan syarikat-syarikat asing;
- (ii) 17,126 orang mengisikan kekosongan pekerjaan yang kini belum dapat diisikan oleh warganegara Malaysia.

Kerajaan tidak dapat menyatakan dengan lengkap dan tepat jumlah wang yang dibawa keluar oleh rakyat asing yang bekerja di negara ini. Walau bagaimanapun, jumlah pembayaran yang dibuat oleh pemastautin kepada bukan pemastautin dalam bentuk gaji dan bonus antara tahun 1982 hingga 1986 adalah lebih kurang \$300 juta setahun.

SISWAZAH MENGANGGUR

20. Tuan Abdul Mulok Awang Damit
minta Menteri Pembangunan Negara
dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) setakat ini berapa ramai belia dan siswazah menganggur yang telah diberi bantuan untuk memajukan industri kampung melalui "Sekim Revolusi Mesin";
- (b) bilangan industri kampung yang telah ditubuhkan dan jenis barangan yang dihasilkan mendapat kejayaan, mengikut negeri; dan
- (c) sejauh manakah sambutan dan prestasi yang dicapai dalam membantu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia dan siswazah di negara ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Daripada jumlah 1,018 projek bantuan perseorangan dan bantuan berkelompok sebanyak 192 projek, adalah dianggarkan permohonan daripada belia-belia dalam lingkungan 50%. Bagi siswazah pula, sekim revolusi mesin ini menjadi satu cabaran kepada mereka dan penyertaan mereka adalah diperingkat permulaan. Sehingga sekarang 11 projek telah diluluskan untuk mereka, iaitu Selangor 7, Wilayah Persekutuan 2 dan Perak 2.
- (b) Jumlah industri kampung yang telah diluluskan oleh Kementerian ini sehingga 31 Julai, 1987 ialah:

(i) Bantuan Per scorangan	1,018 projek
(ii) Bantuan Kelompok	192 projek
(iii) Bantuan KIK ..	30 projek

Perangkaan mengikut jenis barangan dan mengikut negeri adalah terlalu luas dan angka-angka ini boleh didapati daripada Kementerian.

- (c) Salah satu daripada objektif menubuhkan industri kampung ialah mengurangkan pengangguran. Dari jumlah 1,240 projek itu adalah dianggarkan dapat memberi pekerjaan kepada lebih kurang 5,588 orang.

TV3—SIARAN KE SABAH/ SARAWAK

21. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang sebarang rancangan oleh sistem televisyen Malaysia Berhad (STMB) untuk mengembangkan siarannya ke Sabah dan Sarawak dan jika ya, bilakah ini akan berlaku.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Syarikat Televisyen Malaysia (TV3) adalah sebuah badan penyiaran swasta dan mempunyai perancangannya sendiri. Hasrat untuk meluaskan siaran ke Sabah dan Sarawak pernah disebutkan dalam surat-surat khabar tempatan. Bila ini akan dilakukan terpulanglah kepada perancangan serta keupayaan syarikat berkenaan.

Perlu dinyatakan bahawa sebarang tindakan TV3 untuk memperluaskan liputannya haruslah terlebih dahulu memperolehi kebenaran daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

PENDATANG HARAM BEKERJA DI LADANG

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada

Kerajaan bercadang mengambil tindakan yang tegas dan punitif terhadap majikan-majikan yang bertanggungjawab memberi perlindungan dan insentif terhadap kebanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia, dan sama ada beliau sedar bahawa antara majikan-majikan besar yang menggaji pendatang-pendatang haram Indonesia adalah FELDA dan KSM milik MCA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatian serious dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana orang di negara ini, termasuk majikan-majikan, jika mereka didapati bersubahat dengan pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia. Mengikut peruntukan Akta Imigresen 1959/63, jika seseorang itu disabitkan kesalahannya kerana bersubahat dengan mana-mana pendatang haram, ia boleh didenda tidak melebihi \$2,000/- atau di penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Saya tidak sedar dakwaan kononnya FELDA dan KSM adalah antara majikan-majikan yang menggaji pendatang-pendatang tanpa izin Indonesia sebagai pekerja di ladang-ladang mereka. Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan mengikut undang-undang ke atas mereka ini jika terbukti mereka menggaji pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia sebagai pekerja di ladang-ladang mereka.

BUKU ILMIAH—KENAIKAN PANGKAT PROFESOR

23. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah langkah yang praktikal untuk para pensyarah universiti diwajibkan menghasilkan sekurang-kurangnya

satu buku ilmiah Bahasa Malaysia dalam bidang masing-masing sebelum dilantikkan menjadi profesor atau profesor madya, dan terangkan berapa profesor atau profesor madya masih belum dapat memenuhi kewajipan tersebut dan apakah definisi "Buku ilmiah" yang sebenarnya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan membuat cadangan supaya penulisan buku ilmiah di dalam Bahasa Malaysia atau terjemahan, sebagai salah satu syarat kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya di institusi pengajian tinggi tempatan. Walau bagaimanapun Universiti-universiti berkenaan sedang mengkaji, keputusan muktamad terserah kepada Senet Universiti.

(Soalan No. 24. Sila lihat jawapan No. 6).

PERANG IRAN-IRAQ

25. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat bagi menamatkan perang saudara Iran-Iraq yang telah memakan masa selama lebih 7 tahun.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan dan menyokong perpaduan Ummah, Malaysia telah berusaha untuk menamatkan peperangan di antara Iran dan Iraq itu, iaitu menerusi usaha-usaha damai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang telah menubuhkan Jawatankuasa Damai Islam pada tahun 1981 yang dianggotai oleh Malaysia. Sungguhpun begitu, usaha-usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa Damai Islam itu tidak berjaya menghasilkan sebarang kemajuan.

Walaupun demikian, Malaysia terus menggesa kedua-dua belah pihak supaya berusaha menamatkan peperangan itu yang kita anggap hanya merugikan umat Islam. Gesaan kita itu dibuat di Persidangan-persidangan Antarabangsa dan di dalam pertemuan dengan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai dari kedua-dua negara tersebut.

Kita juga telah menyatakan kebimbangan kita tentang keruncingan yang semakin meningkat di perairan Teluk akibat kehadiran kuasa-kuasa besar di situ yang timbul oleh sebab peperangan yang berlarutan itu. Keadaan ini membahayakan keselamatan pelayaran di kawasan tersebut yang boleh memburukkan lagi keadaan dan menjejaskan negara-negara jiran dan masyarakat antarabangsa.

Sesuai dengan pendirian ini, Kerajaan kita telah memberikan sokongan penuh kepada usaha-usaha Bangsa-bangsa Bersatu untuk menamatkan peperangan itu, termasuklah ketetapan 598 Majlis Keselamatan pada 20 Julai 1987 yang telah menyeru supaya kedua-dua pihak menghentikan peperangan serta memulakan rundingan bagi memulihkan keamanan. Sebagaimana Dewan ini sedia maklum, Iran masih belum menerima ketetapan itu sepenuhnya.

Kita berharap supaya Setiausaha Agong Bangsa-Bangsa Bersatu akan terus berikhtiar mendapatkan persetujuan Iran supaya menerima ketetapan itu yang merupakan satu langkah positif ke arah menamatkan peperangan antara kedua-dua negara tersebut. Kita juga akan terus menyokong semua usaha-usaha antarabangsa untuk mencari penyelesaian bagi menamatkan peperangan itu.

PENDATANG HARAM—JUMLAH

26. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang haram di negara ini mengikut anggaran rasmi;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang haram;
- (c) sama ada benar ramai di kalangan pendatang haram itu giat dalam menyebarkan ajaran Kristian.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberikan maklumat mengenai jumlah pendatang-pendatang haram yang berada di Malaysia sekarang kerana kemasukan dan kehadiran mereka di negara ini adalah secara haram.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang berat dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram. Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan terus bertindak untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir mereka. Selain daripada itu, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi kawalan dan rondaan di kawasan perairan dan sempadan daratan Malaysia. Tugas ini dijalankan bersama oleh Jabatan Imigresen, Polis dan lain-lain agensi Kerajaan yang berkaitan.

Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri belum mengesan mana-mana pendatang naram yang terlibat dalam kegiatan menyebarkan ajaran Kristian di negara ini.

PROJEK AIR ANTAH BIWATER

27. Tuan Hashim bin Safin minta Perdana Menteri menjelaskan mengenai projek bekalan air oleh Antah Biwater. Berapakah kos projek-projek tersebut. Jangkamasa dan ekuiti sejauh manakah kontraktor Bumiputera akan terlibat di peringkat-peringkat sub-kontraktor.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Kos bagi projek Antah Biwater ini adalah bernilai sebanyak \$1.4 ribu juta dan jangkamasa kontrak adalah selama 4½ tahun mulai dari 1 November 1986. Ekuiti bagi syarikat ini ada 51% dimiliki oleh Antah Holding dan 49% oleh Syarikat Biwater daripada United Kingdom. Menurut syarat-syarat kontrak sebanyak 30% daripada nilai kontrak adalah diperuntukkan kepada sub-kontraktor, pembekal dan juruperunding Bumiputera.

HAKIM MAHKAMAH—SEMAKAN GAJI

28. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kehakiman menyatakan bilangan hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung serta Presiden Mahkamah Sesyen dan majistret-majistret. Adakah Kerajaan bercadang supaya gaji dan elaun hakim-hakim dan majistret-majistret serta pegawai-pegawai di Jabatan Kehakiman disemak semula mengikut keadaan semasa. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa. Bilakah Kerajaan siap mengkomputerkan Jabatan Kehakiman di seluruh negara untuk melicinkan proses kehakiman di seluruh negara. Berapakah anggaran untuk mengkomputerkan Jabatan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): bilangan jawatan-jawatan yang

dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah:

- (a) Hakim Mahkamah Agung—8 jawatan
- (b) Hakim Mahkamah Tinggi—34 jawatan
- (c) Hakim Mahkamah Sesyen—33 jawatan
- (d) Majistret — 127 jawatan

Buat ketika ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula gaji dan elaun hakim-hakim, majistret serta pegawai-pegawai di Jabatan kehakiman seperti juga Perkhidmatan Awam keseluruhannya kerana keadaan ekonomi negara tidak mengizinkan berbuat demikian.

Kajian untuk mengadakan sistem pengkomputeran Jabatan Kehakiman keseluruhannya kini sedang dijalankan dengan bantuan pihak Unit Permodenan Pentadbiran dan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu anggaran untuk mengkomputerkan Jabatan ini belum dapat ditentukan lagi.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE BRITAIN, HUNGARY DAN RUSSIA

29. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil-hasil positif yang telah dapat dicapai dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke United Kingdom, Hungary dan Soviet Russia, terutama sekali dalam bidang pemasaran barang-barang negara kita seperti getah asli dan kelapa sawit. Apakah sambutan yang telah diberi oleh para pengusaha di negara-negara berkenaan terhadap pelawaan untuk datang melabur di Malaysia.

33. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan lawatan rasmi ke Britain pada bulan Julai 1987 baru-baru ini. Apakah bentuk perjanjian yang telah dimeteri. Sejauh manakah kesanggupan Britain untuk mengseimbangkan perdagangan antara Malaysia-Britain. Apakah Britain sudah memahami apa yang dimaksudkan oleh Malaysia mengenai Dasar Pandang ke Timur berbanding dengan dasar Buy British Last.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Jawapan bagi soalan ini telah saya sampaikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang) pada 12hb Oktober, 1987.

MAHKAMAH RENDAH— PEMBINAAN

30. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kehakiman menyatakan bilakah mahkamah rendah akan dibina di kebanyakan pekan-pekan kecil supaya dapat memberi perkhidmatan kepada semua rakyat sama ada miskin ataupun kaya dan memandangkan sungguh banyak kes mahkamah tidak dapat dibereskan dalam masa yang munasabah (within reasonable period).

Dato' Oo Gin Sun: Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi perkhidmatan keadilan kepada semua rakyat sama ada miskin ataupun kaya.

Kementerian Kehakiman telah mengemukakan cadangan untuk membina sebanyak 43 projek mahkamah baru bagi dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelima bagi menambah mahkamah yang sedia ada. Projek-projek baru yang dicadangkan itu sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

Dalam mengemukakan cadangan projek-projek hari ini dan juga semasa membina mahkamah-mahkamah yang sedia ada, pertimbangan berhubung dengan keperluan rakyat di pekan-pekan kecil telah diambilkira.

ROGOL DAN SEKS

31. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa baru-baru ini terdapat kejadian rogol dan serangan seks terhadap kaum wanita dan kanak-kanak kian berleluasa:

- (a) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang jenayah untuk menambahkan hukuman bagi jenayah-jenayah seks tersebut dan sila sebutkan berapa banyakkah tambahan itu dan jenisnya;
- (b) apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kejadian-kejadian yang terkutuk ini; dan
- (c) adakah suatu kempen penerangan dan kursus akan dilancarkan untuk memperbetulkan sikap setengah golongan rakyat dan pemimpin Kerajaan bahawa mangsa-mangsa itu patutlah disalahkan dan bukanlah penjenayah-penjenayah yang secara tidak langsung telah memberikan kebenaran melakukan jenayah-jenayah ini agar pendidikan dapat mengurangkan kejadian tersebut;
- (d) sila berikan angka-angka kes-kes rogol dan serangan seks terhadap kaum wanita dan kanak-kanak di bawah lingkungan umur 24 tahun dan antara tahun 1980-1986.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

HAKIM DAN PEGUAM— KAWALAN POLIS

32. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan langkah-langkah yang diambil di Mahkamah-mahkamah di seluruh negara untuk memastikan yang tidak terdapat lagi serangan-serangan terhadap Hakim-hakim serta peguam-peguam seperti yang terjadi dalam kes Yang Berhormat Karpal Singh di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada 4hb September, 1987.

Dato' Oo Gin Sun: Pihak mahkamah, dengan bantuan kawalan yang diberikan oleh anggota polis yang ditempatkan bertugas di mahkamah-mahkamah di samping khidmat kawalan pengawal-pengawal keselamatannya sendiri telah, sedang dan akan sentiasa menjalankan tugas kawalan mereka bagi memastikan keselamatan di mahkamah-mahkamah adalah dalam keadaan terkawal dan terjamin di setiap masa.

(Soalan No. 33. Sila lihat jawapan No. 29).

MARKAH POTONGAN PERINGKAT STPM

34. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan sebab apakah Kementerianya tidak boleh mendedahkan di mana-mana media beberapa naskah yang harus diperolehi di peringkat STPM untuk memilih kursus-kursus yang tertentu di Universiti-universiti Tempatan supaya

murid-murid kita akan dapat memilih kursus-kursus yang bersesuaian dengan kelayakan. Adakah perbezaan antara kaum-kaum di negara kita mengenai markah tersebut dan adakah wakil-wakil daripada kaum-kaum bukan Bumiputera ada di dalam sistem pemilihan tersebut untuk menyaksikan tidak dapat sebarang penyelewengan dalam sistem pemilihan itu.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang difahami dengan perkataan naskah ialah markah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, markah potongan peringkat STPM adalah berubah dari tahun ke tahun mengikut prestasi pelajar dan bilangan tempat bagi fakulti-fakulti. Oleh yang demikian pihak Kementerian mengambil keputusan tidak mendedahkan markah potongan kepada media untuk mengelakkan sebarang kekeliruan.

Mesyuarat pemilihan biasanya dihadiri oleh lebih daripada 100 orang pegawai-pegawai universiti dan Profesor-profesor serta Dekan-dekan yang terdiri daripada berbagai kaum. Oleh yang demikian masalah penyelewengan tidak timbul.

TAHANAN DI BALAI POLIS

35. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar pengambilan gambar dan penyata peribadi setiap orang yang ditahan di Balai Polis tanpa sesuatu kes rasmi atau penangkapan rasmi adalah suatu pencabulan "Akta Registration of Criminals and Undesirable Person 1969". Jika benar, bilakah Menteri akan mengarahkan semua pegawai polis berhentikan kesalahan kuasa mereka sebagai selalu terjadi dalam "Operasi-operasi Sapu" di tempat-tempat tertentu. Apakah tindakan

yang akan diambil untuk memulangkan semua gambar-gambar, negatif-negatif dan rekod-rekod yang telah dikumpulkan secara haram ini setakat hari ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar pihak polis ada mengambil gambar dan penyata peribadi orang-orang yang ditahan di Balai Polis. Tindakan ini diambil dengan tujuan untuk menyemak sama ada orang-orang yang ditahan itu tergolong dalam senarai penjenayah-penjenayah yang dikehendaki. Sekiranya pihak polis mendapati orang-orang yang ditahan itu bebas dari apa-apa rekod polis maka cap jari dan gambar foto yang diambil itu akan dikembalikan sekiranya dipohon dan jika tidak, akan dimusnahkan.

(Soalan No. 36. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87).

KAWASAN KEMISKINAN DALAM KUALA LUMPUR

37. **Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada cadangannya untuk mengistiharkan Kuala Lumpur sebagai sebuah kawasan kemiskinan telah diterima oleh Kerajaan, jika tidak, mengapa;
- (b) bagaimana Jabatan Pembangunan Wilayah Persekutuan memberi tafsiran "kawasan kemiskinan" dalam Kuala Lumpur; dan
- (c) apakah kawasan tertentu yang telah dikenalpasti dalam Wilayah Persekutuan oleh Kementerian sebagai kawasan-kawasan kemiskinan yang teruk

dan apakah skim dan rancangan jangka panjang yang dicadangkan untuk dilaksanakan kepada penduduk-penduduk miskin dalam kawasan-kawasan ini yang memerlukan bantuan.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (a) Cadangan untuk mengisytiharkan Kuala Lumpur sebagai sebuah kawasan kemiskinan merupakan satu cadangan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan. Pengisytiharan ini tidak melibatkan keseluruhan kawasan Kuala Lumpur tetapi beberapa kawasan dalam Kuala Lumpur yang akan dikenalpasti.
- (b) Dalam konteks penentuan kawasan kemiskinan itu ianya adalah berpandukan kepada beberapa faktor seperti pendapatan keluarga di dalam sesuatu kawasan dan kedudukan kemudahan asas yang terdapat di dalam sesuatu kawasan itu.
- (c) Kawasan-kawasan tersebut akan dikenalpasti kelak oleh Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti itu, akan diberikan keutamaan dari segi pembangunan dan kemudahan-kemudahan lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa kelak.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji

Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (1) (1) berkaitan dengan Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut, dan Peraturan Mesyuarat 18 berkaitan dengan Usul untuk menangguhkan Mesyuarat bagi maksud membincangkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan untuk persidangan hari esok; Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat 23hb Oktober, 1987 apabila tamat persidangan hari ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ini dikemukakan bagi diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (1) berkaitan dengan Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut, dan Peraturan Mesyuarat 18 berkenaan dengan Usul untuk menangguhkan Mesyuarat bagi maksud membincangkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan untuk persidangan hari esok; Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok; Jumaat 23hb Oktober, 1987 apabila tamat persidangan hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Oktober, 1987)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Yang Berhormat dari Bandar Kuching untuk meneruskan ucapannya.

3.36 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada hari persidangan yang lalu, saya telah menyentuh soal hutang negara yang kian bertambah dari tahap \$22,000 juta pada tahun 1981 sehingga ke tahap \$51,000 juta lebih pada tahun 1987 yang merupakan tambahan dua kali ganda lebih.

Pinjaman dari luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, walaupun nampaknya hanya \$28 juta pada tahun 1986 tetapi kalau kita mengambil kira juga pinjaman Kerajaan negeri-negeri lain dan juga pinjaman sektor swasta, pinjaman luar negeri adalah berjumlah \$50,000 juta. Ini bermakna bahawa perhutangan awam sekarang termasuk pinjaman dalam dan luar negeri sudah melebihi tahap \$100,000 juta. Ini suatu angka yang amat mengkhawatiri dan saya mengambil kesempatan di sini walaupun Bil-bil Perbendaharaan tidak merupakan sebahagian besar kurang daripada 10% sahaja dalam pinjaman dalam negeri, tetapi kita pun boleh menyaksikan satu trend pertambahan di dalam perkara ini.

Bil-bil Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan telahpun bertambah dari tahap \$3 billion pada tahun 1986 sehingga tahap \$3.9 billion dalam tahun 1987 iaitu tahun ini sehingga 30hb September.

Dengan lain perkataan, pertambahan sebanyak 30% telah dirakamkan dalam pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan. Ini membayangkan satu trend di dalam menguruskan pinjaman awam negara kita yang saya ambil perhatian dalam Dewan yang mulia ini. Dan 30% pertambahan ini adalah kadar pertumbuhan pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan yang paling tinggi dalam tempoh 6 tahun yang lepas itu.

Sebelum saya teruskan ucapan saya, ingin saya membuat satu pembetulan. Pada hari yang lalu saya membuat satu tuduhan bahawa pihak Kerajaan sudah melebihi had maksima yang telah ditetapkan di bawah undang-undang yang ada iaitu \$5000,000 juta ini adalah salah oleh kerana sampai sekarang Bil-bil Perbendaharaan yang dikeluarkan tahun ini hanya \$3.9 juta sahaja. Ini satu kesilapan yang bukan sengaja. Saya minta maaf. Tetapi soal pokok masih wujud. Adakah pihak Kerajaan sudah meminjam duit dari luar negeri dan dalam negeri yang negara kita tidak dapat mampu membayar balik tanpa bahaya pada negara kita.

Pembayaran balik, Tuan Yang di-Pertua, bagi hutang dalam negeri sahaja, termasuklah Bil-bil Perbendaharaan, pada tahun 1986 ialah \$3 billion.

Pada tahun ini 1987, bayaran balik atau debt charges bagi pinjaman dalam negeri ialah \$3.5 billion lebih. Ini merupakan satu pertambahan sebanyak 17%. Peratusan ini adalah paling tinggi sekali lagi dalam tempoh 6 tahun yang lepas itu. Jika dibandingkan dengan tahun 1981 yang

mana pembayaran balik (debt charges) hanya berjumlah \$1.4 billion sahaja, negara kita telah dalam membayarkan debt charges telah merakamkan pertambahan sebanyak 250%. Maka pembayaran balik jumlah sebanyak \$5 billion lebih merupakan 25% daripada Perbelanjaan Mengurus Kerajaan tahun ini dan debt servicing (perbelanjaan kerana hutang negara) telah menjadi suatu beban yang terlalu berat kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau negara kita mengalami masalah kewangan sementara, kita memang harus meminjam duit untuk tujuan pembangunan. Tetapi kalau masalah kewangan bukan masalah sementara sahaja, tetapi terus menerus dalam satu tempoh sejak tahun 1981, kalau masalah ini, defisit dalam akaun semasakah, pinjaman yang kian bertambahkah, kalau ini persistent dalam satu tempoh enam tahun, ini satu lampu merah kepada negara kita. Ini bukan masalah kewangan sementara lagi, tetapi masalah ekonomi berstruktur.

Saya sedar bahawa perbelanjaan tidak dapat dikurangkan, perbelanjaan mengurus, (operating expenses) tidak dapat dikurangkan, oleh kerana pihak kakitangan Kerajaan tidak mahu gajinya turun, ini memang. Perbelanjaan pembangunan harus diuntukkan kerana pembangunan sosio-ekonomi adalah amat penting bukan bagi kemakmuran ekonomi sahaja tetapi untuk tujuan memupuk kestabilan politik. Tetapi kalau perkara ini sudah langsung berada pada tempoh yang lama dan kita tidak dapat nampak apa-apa light at the end of the tunnel, dengan izin, ini satu amaran bahawa kalau kita tidak berubah ataupun tidak melaksanakan ubahsuaian kepada struktur ekonomi negara kita, bukan ke atas perbelanjaan, tetapi ke atas hasil Kerajaan, mungkin mengkaji semula strategi Perbendaharaan supaya

tekanan ke atas sektor eksport dikurang dengan menekankan pasaran tempatan untuk memperluaskan sektor ekonomi dalam negeri. Kalau kita tidak berbuat demikian mungkin negara kita mendekati satu tahap seperti Filipina dan Mexico mengalami. Oleh kerana itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat satu point ini sahaja.

Saya menyokong Ahli Yang Berhormat dari Bagan untuk menentang Bil ini kerana Bil ini yang memberi kuasa kepada pihak Eksekutif supaya meminda apa-apa had maksima pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan. Ini satu trend baru supaya kuasa ini diambil keluar dari Parlimen kepada pihak Eksekutif menjadikan suatu trend yang bahaya. Siapakah bertanggungjawab kepada masalah kewangan yang kita mengalami sekarang? Siapakah yang bertanggungjawab kepada masalah pinjaman besar ini? Jawapannya ialah pihak Kerajaan yang ada sekarang dan sekarang Dewan yang mulia ini diminta untuk memberi kuasa yang tidak ada apa-apa had pun kepada pihak Eksekutif yang sama. Ini satu trend yang membahaya. Dengan itu saya menentang Bil ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri menjawab.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya ingin menyatakan bahawa semua cadangan-cadangan dan teguran-teguran telah dicatat dan akan diambilkira oleh Kementerian saya dan perhatian dan tindakan yang

sewajarnya juga akan diberikan seterusnya.

Izinkan saya di sini memberi sedikit sebanyak keterangan dan penjelasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan prinsip akauntabiliti dan kuasa Parlimen. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sememangnya sedar betapa pentingnya terdapat satu keseimbangan dan pembahagian kuasa antara pihak-pihak Legislative dan Eksekutif.

Saya ingin meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa bukan tujuan Kerajaan untuk merampas kuasa Parlimen melalui pindaan ini. Seperti yang saya telah katakan dan jelaskan bahawa pindaan ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan Akta ini dengan Akta-akta yang lain seperti Ordinan Pinjaman Tempatan 1959, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dan Akta Lanjutan Kredit 1966 yang mana semuanya memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan had-had berkanun pinjaman di bawah Akta-akta tersebut itu dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menjelaskan penyelarasan ini adalah perlu untuk melicinkan pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan oleh Kerajaan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bil-bil Perbendaharaan adalah dikeluarkan mengikut keperluan dan keadaan pasaran semasa. Oleh yang demikian, adalah penting bahawa Bil-bil Perbendaharaan dikeluarkan pada masa yang sesuai dan tepat iaitu pada "timing" yang betul sekali. Maka oleh yang demikian, kuasa meminda had berkanun ini diberi kepada Yang di-Pertuan Agong supaya apabila keadaan memerlukan, Kerajaan boleh terus mengeluarkan Bil-bil Perbendaharaan pada masa yang singkat di mana keadaan pasaran

adalah sesuai. Saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas dan Pagoh yang memahami bahawa pindaan ini adalah satu pindaan yang teknikal sahaja dan tidak mempunyai motif yang lain.

Ahli Yang Berhormat daripada Gopeng telah menyuarakan kebimbangan beliau berkenaan dengan hutang negara yang mungkin meningkat lagi dengan pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan ini. Saya ingin menjelaskan bahawa adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menggantikan pinjaman luar negeri yang lebih mahal dengan pinjaman dalam negeri yang murah seperti Bil-bil Perbendaharaan ini. Kadar diskaun atau pinjaman untuk Bil-bil Perbendaharaan adalah rendah misalnya hanya antara 2.5 hingga 3 peratus sahaja bagi tahun ini. Di samping itu, Bil-bil Perbendaharaan ini hanya merupakan 7.75 peratus daripada jumlah pinjaman Kerajaan dalam negeri dan peratusannya yang kecil ini tidak akan mempengaruhi keadaan kecairan seperti yang dikhuatiri oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai nasihat dan kebimbangan Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan ini yang banyak mungkin membawa satu keadaan di mana kecairan-kecairan dalam pasaran akan berkurangan dan seterusnya menyebabkan kos pinjaman meningkat. Keadaan ini sememangnya mungkin berlaku sekiranya keadaan kecairan adalah tegang. Akan tetapi saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sememangnya sentiasa berhati-hati semasa mengeluarkan Bil-bil Perbendaharaan. Kerajaan hanya mengeluarkan Bil-bil apabila didapati keadaan pasaran adalah sangat cair atau "liquid" seperti pada masa sekarang dan tidak disebalikinya.

Ahli Yang Berhormat juga telah menasihatkan bahawa had berkanun ditetapkan pada satu kadar yang sama dengan keperluan pada satu masa sahaja. Kerajaan sememangnya mengamalkan dasar yang sedemikian iaitu hanya menetapkan satu had berkanun mengikut keperluan kewangan dan keperluan pada satu masa. Ini dapat digambarkan dalam kes-kes yang lepas di mana Kerajaan hanya meminda had berkanun mengikut keperluan samasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin memberi jawapan yang lebih terperinci dan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching itu saya amat menghargai dan saya di sini ingin mengatakan bahawa apa-apa kebimbangan yang Ahli Yang Berhormat itu ada tidaklah begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan yang saya telah berikan tadi saya percaya bahawa saya telah meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa pindaan ini bukan dengan maksud dan motif yang tidak baik tetapi hanya satu pindaan yang memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong supaya apabila masa memerlukannya had berkanun yang berkenaan dapat diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Jemaah Menteri.

Saya ingin menyatakan sekali lagi semua cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh Kementerian Kewangan.

Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu telah memperolehi lebih daripada $\frac{2}{3}$ jumlah kerusi yang ada di Parlimen ini, ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah mendapat keyakinan yang begitu penuh daripada rakyat jelata. Jadi Menteri-menteri yang di dalam Jemaah Menteri pun

adalah Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh Barisan Nasional dan seharusnya Jemaah Menteri diberikan keyakinan penuh oleh Parlimen ini dan juga rakyat jelata seperti apa yang telah ditentukan dalam pilihanraya yang lalu. Jadi, atas nasihat Jemaah Menteri, Yang di-Pertuan Agong akan diberikan kuasa untuk menetapkan had berkanun pinjaman Bil-bil Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Saya ingin di sini mengatakan bahawa Kerajaan kita ini akan berhati-hati dengan langkah-langkah yang akan diambil oleh Jemaah Menteri apabila masa sudah sampai untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya meluluskan atau meningkatkan sesuatu had berkanun pinjaman Bil-bil Perbendaharaan.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERINDUSTRIAN NANAS
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1987 yang dicadangkan beberapa pindaan kepada Ordinan Perusahaan Nanas Tanah Melayu, 1957 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu (LPNTM) telah ditubuhkan dalam tahun 1957 melalui Ordinan Perusahaan Nanas, 1957. Penubuhan LPNTM adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kemajuan perindustrian nanas di negara ini dari segi pengeluaran, kawalan mutu dan peraturan-peraturan kesihatan di kilang-kilang, pungutan ses serta pembangunan pekebun-pekebun kecil nanas.

Memandangkan Ordinan ini telah lama dikuatkuasakan serta selaras dengan peredaran masa dan kemajuan perindustrian nanas itu sendiri, maka beberapa pindaan perlu dilakukan kepada Ordinan tersebut iaitu mengenai peruntukan-peruntukan yang sangat perlu dipinda sahaja supaya LPNTM dapat menjalankan fungsinya dengan lebih licin dan berkesan.

Di antara pindaan yang dicadangkan ialah kepada bahagian definisi iaitu "canned pineapple" dengan menambahkan perkataan "(whether or not mixed with other fruits)". Ini adalah bertujuan untuk memberi kelonggaran kepada kilang-kilang nanas mengaleng buah-buahan lain yang dicampurkan kepada buah nanas. Dengan pindaan ini juga

kilang-kilang yang tidak didaftarkan dengan LPNTM yang sedang mengaleng nanas kaleng dengan dicampurkan buah-buahan lain juga perlu didaftarkan dengan LPNTM.

Bagi mengukuhkan kedudukan LPNTM, keahlian Lembaga telah diperluaskan dengan memasukkan wakil-wakil dari Perbendaharaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Wakil Perbendaharaan diperlukan sejajar dengan adanya peruntukan kewangan dari Kerajaan kepada Lembaga, manakala wakil daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan dapat memberikan kerjasama dari segi pemasaran nanas, terutamanya sumbangan dari pejabat-pejabat Pesuruhannya Perdagangan Malaysia di luar negeri.

Akaun dan penyata kewangan Lembaga juga telah dipinda yang sejajar dengan keperluan semasa mengikut Akta Badan-badan Berkanun (Akaun-akaun dan Laporan Tahunan) 1980 kerana buat masa ini semua badan-badan berkanun dikehendaki mematuhi keperluan Akta ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga memberi peluang kepada Lembaga meminjam dan melabur. Walau bagaimanapun pinjaman hanya akan dibenarkan selepas Lembaga mendapat persetujuan Menteri Kewangan yang akan menetapkan syarat-syarat yang akan dikenakan terhadap pinjaman tersebut. Kebenaran untuk melabur diberikan untuk memastikan wang lebihan Lembaga dilaburkan ke dalam pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang yang sedang berkuatkuasa atau sebarang pelaburan yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dengan syarat mendapat persetujuan Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Ordinan yang ada sekarang memperuntukkan perlantikan Pengerusi Eksekutif secara sepenuh masa. Walau bagaimanapun jawatan ini telah tidak diisi sejak beberapa lama sehingga sekarang. Dengan ketiadaan Pengerusi Eksekutif tersebut, wakil dari Kementerian Perusahaan Utama telah menjalankan tugas-tugas sebagai Pemangku Pengerusi Lembaga sementara Setiausaha Lembaga telah menjalankan tugasnya sebagai "de facto" Ketua Eksekutif.

Memandangkan kepada keadaan industri nanas pada masa ini adalah wajar jika jawatan Pengerusi Eksekutif sebagaimana diperuntukkan di dalam Ordinan sekarang ini diganti dengan jawatan Ketua Eksekutif. Pelantikan Ketua Eksekutif akan membolehkan pengurusan yang lebih berkesan kepada Lembaga dan bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Jemaah Lembaga. Seajar dengan matlamat ini Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan telah juga bersetuju untuk mewujudkan jawatan Ketua Eksekutif tertakluk kepada pindaan yang sesuai ke atas Ordinan sekarang.

Dengan pindaan kepada Ordinan Perindustrian Nanas 1957 Lembaga akan memperolehi kedudukan yang lebih kukuh untuk menjalankan tanggungjawab dan fungsi-fungsinya dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang ini

dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.03 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mengambil peluang dahulu untuk bercakap dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan sebarang pindaan dalam Rang Undang-undang Ordinan Perindustrian Nanas 1957 bagi tujuan memajukan industri nanas di negara ini. Walaupun industri ini boleh dimajukan tanpa pindaan tetapi kita tidak mahu mendengar adanya pihak yang memberi alasan bahawa industri ini beku disebabkan oleh Ordinan yang begitu rupa.

Perusahaan nanas negara ini adalah antara yang terpenting dalam aspek negara yang perlu dikembangkan berikutan dengan bertambahnya penduduk dunia. Kita juga tahu nanas tin kita antara yang terbaik, tetapi sebagaimana lain-lain barangan dagangan ia menghadapi saingan. Saya berharap pindaan ini antaranya menambah komposisi Lembaganya bagi disertai sama oleh wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta beberapa kuasa baru yang diberikan kepada pegawai-pegawai dapat meletakkan industri ini di tempat utama di dalam industri permakanan nanas di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dibuat pada ketika negara kita berada dalam kegilan menswastakan segala yang boleh diswastakan. Industri ini adalah satu yang memenuhi kehendak swasta. Industri seperti inilah yang wajar menghadapi segala cabaran penswastakan. Kalau lebuhraya diswastakan ia tidak banyak menghadapi cabaran, orang mesti lalu

di lebuhraya dan orang sentiasa masuk, tetapi bagi industri yang perlu mencari pelanggan barulah ia benar-benar dinamakan swasta dan perlu berlumba-lumba dan berikhtiar bagaimana barangan kita boleh dipasar dan dimajukan. Justru itu dalam melantik seorang Ketua Eksekutif seperti yang dikehendaki oleh Fasal 6, Rang Undang-undang Pindaan ini hendaklah diingat bahawa seseorang yang hendak dilantik memegang jawatan itu bukanlah terdiri dari seorang bekas Menteri atau Timbalan Menteri yang keupayaannya mentadbirkan urusan perniagaan belum dipastikan lagi.

Saya ingatkan ini ialah kerana adalah amalan dalam Kerajaan yang memberikan hadiah kepada bekas-bekas Gabenor, bekas-bekas Menteri dan bekas-bekas kakitangan Kerajaan dan lain-lain dalam bentuk memberi jawatan-jawatan dalam syarikat. Antara mereka memegang berpuluh-puluh jawatan dan menjadi orang kaya baru serta-merta tetapi tidak cukup masa untuk mengendalikan tugas-tugas. Malangnya antaranya tidak mampu untuk mengendalikan syarikat perniagaan yang memerlukan kecekapan yang tersendiri.

Sebelum ini kita tahu bahawa ada orang politik menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian tetapi kemudiannya tidak ternampak ia atau mereka muncul sebagai ahli perniagaan yang baik. Oleh itu perlantikan, baik dalam bentuk Ketua Eksekutif atau sebagai Ahli Lembaga industri nanas ini hendaklah dari orang-orang yang boleh memajukannya. Tetapi hendaklah diingat bahawa orang perniagaan itu sendiri tidak mempunyai motif yang berbagai ragam dan kebanyakannya adalah mementingkan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perlunya negara mulai dari sekarang menggalakkan ahli-ahli perniagaan mempunyai tanggungjawab

keagamaan ada akidah dan takwanya. Biar dia merasakan tugasnya dalam industri ini tidak sekadar perkhidmatan untuk kebaikan diri dan industri itu sahaja tetapi mengirakan bahawa tugasnya di situ adalah satu ibadah dan ada dosa dan pahalanya dan ini sesuai dengan usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Seorang pegawai atau pengarah Lembaga yang mempunyai sikap seperti ini tidak akan menggunakan kedudukannya dalam industri itu untuk menunaikan kehendak peribadinya tetapi ia memastikan yang industri itu maju dan dapat memberikan laba dan perkhidmatannya untuk kepentingan industri dan kepentingan umum.

Seharusnya adalah di dalam ingatan Pegawai itu bahawa industri itu diwujudkan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan atau memajukan ekonomi semata-mata. Perlunya ditanamkan semangat bahawa seseorang itu menceburkan diri dalam apa-apa kegiatan ekonomi dengan tujuan dapat memberikan peluang kepadanya menunaikan zakat. Memang untung dan perkhidmatan adalah antara matlamat baik industri dan perniagaan, tetapi azam untuk membolehkan berzakat adalah satu galakan dan tentunya ia mendapat berkat.

Tuan Yang di-Pertua, kiranya ini dapat ditekankan, maka tujuan pindaan ini untuk mengawal disiplin untuk mengawal amalan-amalan salah yang tertentu dalam industri itu seperti yang disebutkan dalam huraian fasal 2, Rang Undang-undang ini akan dapat dibendung. Di samping itu, percayalah, ianya akan memberikan prestasi yang tinggi kerana ia mendapat kerediaan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya soal akidah dan ketakwaan ini perlu ditekankan sangat kerana pindaan ini juga bertujuan memberikan

peruntukan melabur dan meminjam wang bagi mengembangkan industri nanas ini. Dalam amalan biasa pinjaman dan pelaburan, soal haram halal jarang sangat diberi perkiraan yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak. Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengingatkan supaya Lembaga nanti mencari jalan mengelakkan adanya pinjaman yang melibatkan riba dan kemudian melaburkan dalam perkara yang terdapat sah haramnya. Sebarang penglibatan dalam riba dan yang haram selain dari ia mendapat berkat ia akan membabitkan semua pihak pekerja dan pelanggan.

Saya percaya Kerajaan akan memberi hujah kalau tidak ada riba dan takut sangat kepada halal dan haram, tentu kita tidak akan maju dan tentu industri ini terus lembab. Tetapi sedarkah Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa riba yang berleluasa dan penglibatan negara dalam industri haram seperti kewangan dan kilang-kilang arak dan sebagainya itu tidak pula membantu negara ini dari segi ekonominya. Sebaliknya negara ini hancur ekonominya dan papa-kedana akibat terpaksa menanggung beban bunga dari hutang yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini untuk meluaskan takrif nanas tin juga merangkumi nanas yang dicampur dengan buah-buahan lain, saya kira inilah yang penswastan wajar ditumpukan.

Saya mengalu-alukan langkah membanyakkan pengeluaran. Nanas mempunyai banyak khasiat dan boleh dijadikan berbagai-bagai makanan, selain dari jus nanas dan nanas tin yang sudah dipasarkan itu terdapat berbagai-bagai makanan lagi yang dibuat dari nanas. Antaranya ialah jeruk dan pajeri.

Pajeri, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu makanan yang perlu di kalangan orang Melayu. Saya percaya orang

India yang banyak makan kari juga tentu selera dengan makanan ini, tetapi ia tidak begitu diketengahkan. Di sinilah peranan industri nanas ini untuk mempelbagaikan pengeluarannya termasuk memikirkan supaya pajeri boleh dimasyurkan dan ditinkan yang sama. Mungkin buat sementara ini ia tidak menarik pasaran luar negeri, tetapi bolehlah ia ditumpukan untuk keperluan tempatan atau dalam negeri. Langkah Kerajaan hendak meramaikan penduduk adalah selari dengan keperluan mengenalkan pajeri tin dan lain-lain industri lagi.

Apa yang saya ingin tahu sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang lain-lain bahagian nanas. Apakah ia boleh dimanfaatkan dari kulit dan daun nanas, kalau kayu buruk, kain buruk dan kertas buruk atau lama boleh dijadikan bahan kertas, apakah kulit nanas tidak boleh dijadikan sesuatu yang boleh dimanfaatkan, tidakkah ini boleh diproseskan untuk dijadikan makanan binatang atau menjadi baja. Dan saya masih ingat dalam pemerintahan Jepun di Malaya dahulu, orang-orang Kelantan banyak menggunakan urat nanas sebagai benang menjahit pakaian dan ia berjaya. Di musim Jepun dahulu, bukan lagi musim memandang ke Jepun sekarang, didapati orang menggunakan benang dari daun nanas. Benang daun nanas ini membantu orang ramai menampal kain dan baju, bukan setakat itu sahaja bahkan digunakan untuk tali-tali memancing ikan di paya-paya dan di sungai-sungai.

Saya kira tentunya kajian boleh dibuat apakah munasabah daun-daun nanas ini boleh dijadikan benang yang boleh diniaga atau lain-lain keperluan. Oleh yang demikian, bahagian penyelidikan di industri ini perlu diperkuatkan supaya ia dapat menjadikan nanas sebagai satu industri yang punya potensi besar di masa akan datang. Setakat ini industri

nanas tidak meluas. Ia hanya melibatkan industri di Johor yang Kerajaan mempunyai banyak kepentingan. Ia setakat ini diusahakan secara kecil-kecilan, sedangkan nanas boleh didapati di mana-mana sahaja. Mungkin nanas yang diperlukan itu dari jenis bermutu dan boleh ditanam di tempat tertentu. Tetapi negara ini sesuai dengan bermacam-macam jenis nanas. Orang-orang kampung sendiri ada menanam tetapi ia tidak menjadi industri. Apakah Kerajaan tidak mungkin memikirkan bahawa nanas boleh dijadikan bahan seperti koko, getah dan lain-lain yang ditanam oleh pekebun-pekebun di tanah mereka sendiri dan kemudian ada peraihnya. Memang nanas payah tahan lama, tetapi kiranya digalakkan ada industri nanas yang terancam, yang boleh mendapat bahan dari pekebun kecil, maka ini boleh membantu pekebun-pekebun menggunakan tanahnya untuk menambahkan hasilnya.

Pandangan saya ini mungkin remeh atau tidak ekonomik, tetapi kita mestilah memikirkan sama bahawa industri nanas ini boleh juga membantu pekebun-pekebun mendapat rezeki dari perusahaan mereka. Saya kira itulah sahaja sekadar sedikit pandangan daripada saya dalam menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan) ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bakri.

4.18 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Yang di-Pertua, saya turut membahas mengenai pindaan Rang Undang-undang ini. Pertama dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan sebab dengan pindaan ini kita dapatlah mengemaskinikan Rang Undang-undang itu yang sudah lama sejak tahun 1957.

Apa yang menarik perhatian saya ialah peruntukan bagi meluaskan Lembaga Perindustrian Nanas. Tujuannya ialah untuk membesarkan keahlian Lembaga dengan penambahan wakil-wakil dari Perbendaharaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Khasnya dengan perlantikan wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian itu, saya harapkan kita dapat lagi satu penasihat dalam Lembaga itu yang arif dalam hal perdagangan antarabangsa.

Apa yang dikesali, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini ialah industri nanas ini sudah menjadi satu "sun-set" industri di negara kita. Kalau kita bandingkan dengan Filipina dan Thailand, industri ini sekarang boleh dikira sebagai satu dying industry di negara kita.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima kita dapat angka-angka seperti berikut. Pengeluaran nanas kita sudah merosot daripada 185,000 tan metrik pada tahun 1980 kepada 147,000 tan metrik pada tahun 1985. Akibat daripada kemerosotan ini keluasan tanaman nanas telah berkurangan daripada 12,200 hektar pada tahun 1980 kepada 10,300 hektar pada tahun 1985. Itulah ternyata satu declining industry, dan ini amat dikesali. Mengapa pengeluaran sudah turun? Pengurangan ini adalah akibat dari beberapa sebab.

Sebab yang pertama ialah harga nanas yang terdapat dalam pasaran tempatan atau di Singapura dan di antarabangsa daripada pekebun-pekebun atau agriculturalists amat rendah atau very low price, dengan izin.

Kedua, kos pengeluaran kian meningkat.

Ketiga, kos kenderaan (transportation) kian meningkat.

Keempat, banyak pekebun-pekebun yang dahulu ada menanam nanas di atas tanah gambut (peat soil) sekarang sudah berhijrah ke bandar. Seperti di kawasan saya Air Hitam, Muar pekebun-pekebun kaum Melayu yang dahulu menanam nanas sekarang sudah berhijrah ke bandar, sebab ada employment yang memberikan gaji yang lebih tinggi.

Ada satu sebab lagi. Pekebun-pekebun yang menanam di tanah gambut (peat soil) pada masa kini, disebabkan harga kelapa sawit sudah meningkat, telah ditukar kepada penanaman kelapa sawit. Ada beberapa sebab lagi. Penanaman nanas itu adalah satu enterprise yang susah, sebab dia hendak menjaga rumput di dalam tanah gambut di mana ia cepat tumbuh khususnya bila kita taruh baja.

Dia harus jaga tiap-tiap hari dan anak-anak dia pun harus berputik, itu susah, tetapi kelapa sawit lebih senang. Sebab itulah ada satu "shift" mengambil alih kepada oil palm. Tetapi ini, seperti saya sebutkan tadi, amat dikesali disebabkan kita tahu di negara kita ada banyak peat soil. Daripada angka-angka yang saya perolehi di Malaysia kita ada 2.4 million hektar tanah gambut.

Di Malaysia Barat sahaja kita ada 1 million hektar peat soil tetapi baru 14,000 hektar digunakan untuk tanaman nanas. Itu nyata kita ada banyak lagi tanah peat soil yang tidak boleh digunakan untuk lain-lain pertumbuhan, lain-lain sektor agriculture dan sebab itu peat soil ini khasnya boleh digunakan untuk nanas dan sebab itu kita ada banyak peluang kerana di negara kita ada banyak tanah lagi yang boleh ditanam dengan nanas dengan seluas-luasnya dengan secara besar-besaran.

Sebab yang kedua kita kesali nanas menjadikan satu "sun-set" industry. Sebab itu pada masa kini kita faham kerana kita baru lalu satu zaman di

mana harga komoditi kita telah turun dengan begitu hebat dan bukan sahaja negara tetapi rakyat jelata kita telah mengalami satu penderitaan sebab kemerosotan harga komoditi. Sebab itu kita perlu di negara ini, seperti di Thailand, mendiversifykan agriculture di negara ini dan oleh sebab kita ada luas tanah untuk menanam nanas, kita ada satu peluang untuk mendiversifykan agriculture di negara kita dengan menanam banyak lagi nanas.

Pada zaman 70an, saya ingat pada tahun 1970 sampai 1973, kedudukan kita dalam pengeksportan nanas di dunia ini nombor tiga tetapi pada hari ini kita jatuh kepada nombor tujuh. Kita telah kalah kepada negara Thailand dan negara Filipina dan pada hari ini Filipina sudah menjadi nombor satu di dunia dalam bidang pengeksportan nanas dan Thailand sudah menjadi nombor kedua, kita sudah jatuh nombor tujuh. Itulah sangat dikesali.

Ambil Filipina sebagai satu contoh. Pada masa kini Hawaii di Amerika Syarikat ialah nombor satu di kalangan pengeluaran nanas tetapi ia tidak mengeksport nanas sebab apa yang dikeluarkan di Hawaii digunakan dalam pasaran dalam Amerika Syarikat. Sebab itu Filipina nombor satu dan Thailand nombor dua. Tetapi di Hawaii pada masa sekarang kita tahu sebab ada industrialisation di Hawaii dan sebab tanahnya mahal di Hawaii banyak tanah di Hawaii sudah ditukar alih daripada nanas kepada pembangunan. Sebab itu Filipina ambil peluang untuk menarik pelaburan (investment) daripada Amerika Syarikat melalui multinational corporations seperti dua corporation yang besar iaitu "Del Monte" dan "Dole" iaitu Pineapple Cannery yang paling besar di dunia ini, tarik mereka pergi Filipina untuk menanam nanas di Filipina dengan secara besar-besaran dan sebab itu

dengan kerjasama multinational companies yang mengawal pasaran di Amerika Syarikat dan lain-lain negara di dunia ini dia dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalak industri nanas dan memulih industri ini saya ada beberapa saranan yang saya hendak kemukakan kepada Kementerian yang berkenaan. Yang pertama saya harapkan Kementerian yang berkenaan boleh bersetuju dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai tanah untuk membuka tanah secara luas-luas, secara besar-besaran untuk menanam nanas dalam tanah yang saya sebutkan itu, tanah gambut yang tidak boleh digunakan untuk lain tumbuhan kecuali oil palm.

Kedua, saya harap dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan dengan wakilnya dilantik di Lembaga ini kita dapatlah mengadakan satu strategi pasaran international yang lebih agresif seperti yang diadakan di negara Filipina iaitu satu marketing strategy yang lebih agresif.

Yang ketiga, itu yang mustahak, sebab tadi saya sebutkan kos mengeluarkan nanas kian meningkat, kalau kita bandingkan dengan negara yang lain yang ada menanamkan nanas, pengeluaran setiap ekar pada satu tahun 30 tan tetapi di negara kita dapat baharu 12 sampai 20 tan satu ekar. Sebab itu saya menyeru Kementerian berkenaan untuk membuat lebih research, kajian dalam hal ini dengan kerjasama dengan MARDI yang pakar dalam bidang ini untuk menaiki produktiviti setiap ekar nanas di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan komen-komen tersebut saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.27 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak membahaskan Rang Undang-undang dan sungguhpun saya bukan seorang pakar dalam bidang nanas tetapi saya juga ingin menggunakan kesempatan ini untuk menghuraikan beberapa pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan) 1987 yang telah dibentangkan ialah bertujuan untuk memperkenalkan beberapa pindaan ke atas Ordinan Perindustrian Nanas 1957. Cadangan pindaan-pindaan ini adalah terutamanya dalam bentuk pentadbiran yang bertujuan untuk menjamin perjalanan yang lebih berkesan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan pengurusannya lebih teratur.

Rang Undang-undang ini memperuntukkan perlantikan seorang ketua pegawai eksekutif dengan peranan dan tugas-tugas tertentu, ia juga memperuntukkan komposisi Lembaga di samping memberi kuasa kepada Lembaga untuk meminjam dan melabur.

Saya tidak ada apa-apa bantahan terhadap cadangan pindaan-pindaan ini dan sebaliknya melahirkan harapan bahawa Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dengan adanya pindaan-pindaan ini akan berupaya tidak sahaja untuk memastikan kecekapan dan peranan berkesan Lembaga serta pengurusannya yang teratur tetapi juga boleh memainkan peranan yang lebih besar dan dapat memastikan pertumbuhan dan perkembangan yang sempurna perindustrian ini.

Pengemukaan sekysen-seksyen baru 8A dan 8B yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini bagi memberi kuasa kepada Lembaga

untuk meminjam serta melaburkan wang sebagaimana yang dicadangkan di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang ini, bolehlah jika dijalankan dengan betul membantu Lembaga melaksanakan pembangunan dan perkembangan perindustrian nanas dengan teratur di negara ini. Saya rasa bahawa perindustrian nanas Malaysia ini perlu dikaji semula dan langkah-langkah mestilah dicari untuk mencergaskan semula perindustrian ini yang lembab pada ketika ini. Saya percaya perindustrian ini berpotensi dan adalah menjadi tugas Kerajaan, terutama Yang Berhormat Menteri yang berkenaan meneroka jalan-jalan untuk membangunkan perindustrian ini.

Kedudukan semasa perindustrian nanas ialah berada dalam keadaan yang menyedihkan. Fakta-fakta berikut yang saya ingin huraikan di sini adalah menunjukkan bahawa pada masa ini terdapat tiga buah kilang mengetin nanas yang beroperasi dalam negara kita. Semua ini terletak dalam negeri Johor. Kilang-kilang itu ialah yang pertama Pineapple Cannery of Malaya (PCM), dengan izin, yang dimiliki oleh Kerajaan, yang kedua Lee Pineapple dan yang ketiga Peninsular Pineapple yang dimiliki oleh pihak swasta. Mereka yang terlibat dalam perindustrian ini ialah pekebun-pekebun kecil yang pada masa sekarang makin berkeluasan lebih kurang 3,000 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak lebih kurang 25,000 tan nanas setiap tahun, manakala pengusaha-pengusaha ladang ataupun estet menguasai lebih kurang 5,500 hektar dan berupaya mengeluarkan lebih kurang 125,000 tan nanas setiap tahun.

Berbuhung dengan pekerjaan pula, kilang-kilang mengetin nanas ini mempunyai lebih kurang 1,450 orang pekerja. Dalam ladang—dalam iaitu mempunyai lebih kurang 1,230 orang pekerja, manakala terdapat lebih

kurang 3,000 keluarga pekebun kecil dan tanggung mereka ini. Oleh kerana nanas tin kita khususnya untuk dieksport maka nilai eksport yang diperolehi dari ketiga-tiga buah kilang mengetin nanas ini ialah antara \$55 hingga \$60 juta setahun. Saya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah menyemak semula kedudukan perindustrian nanas bagi memastikan bagaimana ianya boleh dicergaskan semula dan dapat bersaing dengan lain-lain negara pengeluar nanas dalam rantau kita seperti negeri Thailand dan Filipina. Dengan pandangan ini saya suka mengemukakan cadangan-cadangan yang berikut kepada Kerajaan untuk mempertimbangannya.

Yang pertama, Pineapple Cannery of Malaya (PCM) ini yang dimiliki oleh Kerajaan hendaklah mempergiatkan penanaman nanas secara ladang ataupun secara estet bagi memastikan bekalan dan mutu buah nanas lebih baik. Selama ini PCM mendapatkan bekalan nanas daripada pekebun-pekebun kecil yang bukan berada dalam kedudukan yang boleh menjamin bekalan yang tetap dan mutu buah yang lebih baik. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan lebih kurang 2,000 hektar tanah kepada PCM untuk penanaman nanas secara ladang dan saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri Johor hendaklah memperuntukkan lebih banyak tanah bagi maksud ini.

Yang kedua, MARDI di bawah Kementerian Pertanian hendaklah mempergiatkan penyelidikan ke atas penanaman nanas ini. Satu hal yang boleh dikaji oleh MARDI ialah sama ada nanas boleh ditanam dan dibesarkan ke atas tanah jenis mineral ataupun dalam bahasa Inggeris mineral soil secara yang lebih ekonomik. Nanas di negara kita tumbuh di atas tanah gambut dan kita patutlah mencari jalan sama ada tanah

mineral ini juga adalah sesuai bagi maksud ini. MARDI juga boleh melakukan penyelidikan ke atas buah-buahan yang memberikan penghasilan yang baik dan mutu buah nanas yang tinggi.

Yang ketiga, syor saya ialah bahawa Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia hendaklah juga menerokai lebih banyak pasaran bagi buah-buahan. Ia juga patut mengkaji pengeksporan buah nanas segar yang disejukkan ke seberang laut, terutamanya ke negara Jepun dan ini tidak perlu dikenakan quota sepertimana nanas dalam tin.

Yang keempat, Kerajaan patut juga mengkaji menambah bantuan penanaman semula nanas bagi pekebun kecil oleh kerana bantuan sekarang yang diperolehi adalah tidak mencukupi.

Maka dengan syor-syor ini, saya ingin memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

4.38 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang) Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas bagi tahun 1957. Bila saya berhenti sahaja pada ayat tahun 1957, tergambarlah kepada kita bahawa Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang sudah lama, yang muncul bersama dengan zaman kemerdekaan, yang kalau bahasa kasarnya sedikit agak lapok dan ketinggalan.

Jadi cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sangat munasabah. Kalau Undang-undang

yang sudah lama ini dibaharui dan dikemaskini, ditokok sana ditokok sini bagi menjadikan Rang Undang-undang ini satu Undang-undang yang compact, yang kemas, sesuai dengan tuntutan zaman dan kepentingan para penanam nanas.

Saya tertarik kepada masalah pekebun-pekebun nanas ini kerana kita dapati sejak dahulu lagi hasil eksport nanas merupakan satu eksport yang memberi sumbangan yang tidak sedikit kepada negara kita, walaupun ia tidak sebesar sumbangan kelapa sawit ataupun getah, tetapi sumbangannya tetap ada. Sebagai contohnya, pada tahun 1986, tahun dahulu, eksport nanas kaleng berjumlah kira-kira 2.098 juta peti piawai yang bernilai kira-kira \$56.4 juta. Jadi, angka ini walaupun tidak besar tetapi sudah cukup menggambarkan kepada kita bahawa angka ini dapat memberi sumbangan kewangan yang bukan sedikit kepada pengusaha-pengusaha serta penanam-penanam nanas.

Saya kira sepertimana juga tanaman lain, tanaman nanas ini perlulah dilihat dalam bentuk yang lebih memberangsangkan di tahun-tahun yang akan datang. Sekarang ini bila kita bercakap tentang nanas, apa yang tergambar kepada kita pekebun kecil, kecil sahaja—1 ekar, 2 ekar, 3 ekar, 4 ekar, lebih-lebih pun tak lebih daripada 10 ekar. Purata kita dapati nanas di Johor ini 4 ekar sahaja. 4 ekar ini pula ditanamnya ada diselit pokok-pokok kelapa, ada diselit dengan tanaman lain dan kesungguhannya tidak ada. Apabila tanaman nanas ini diselangseli dengan tanaman lain, sudah barang tentulah tumpuan kepada nanas ini tidak begitu hebat, tidak begitu memberangsangkan.

Kita lihat apabila kita bercakap dengan pekebun kecil, tanaman-tanaman itu sudah barang tentulah berselerak merata-rata mengikut

kemampuan dan juga kesediaan penanam-penanam itu. Kalau dia banyak tanah, banyaklah tanamannya, tetapi kalau pekebun kecil ini tak banyak mana. Selain daripada itu juga, kita dapati buahnya tidaklah dapat dipungut dalam bentuk yang seragam, tidaklah dapat dipungut dalam bentuk yang stabil; yang ini cepat, yang ini lambat, sana cepat, sini lambat. Begitu juga kawasannya begitu berpecah-pecah, merata-rata; ada sana sikit, hujung sana sikit, ada selatan, ada timur, orang hendak pungut buah pun susah, kenderaan hendak pergi pun susah kerana dia berpecah-pecah (scattered). Jadi, kalaulah ini berlaku sudah barang tentulah pengambilan buah tidak akan berlaku secara serentak. Apabila pengambilan buah tidak berlaku secara serentak, sudah tentu pula pengilangan tidak dapat dijalankan dengan secara serentak. Selain daripada itu pula, susah kepada kenderaan (transport), hendak tuai pun susah kerana tidak bersistematik, kawalan tidak selaras, pembajaan tidak selaras, research tidak selaras, boleh dikatakan tidak selaras. Inilah yang saya nampak wujudnya satu problem yang boleh kita kumpulkan kepada satu sahaja, iaitu masalahnya pekebun-pekebun itu dibuat dalam pekebun kecil. Saya menganggap perkara ini perlulah diambil berat mulai daripada sekarang.

Apabila kita membincangkan soal pindaan-pindaan Rang Undang-undang ini, kita mesti turut membincangkan dasar-dasar, perkara-perkara yang telah berlaku. Saya nampak tidak ada sebab kalau sekiranya industri-industri lain, getah, kelapa sawit kita boleh buat dalam bentuk estet, kita sendiri tak boleh buat kepada nanas ini. Begitu juga kalau Thailand boleh buat dalam bentuk estet, kenapa tidak pula kita boleh buat dalam bentuk estet.

Saya nampak kita perlulah beri dalam bentuk estet ini ada beberapa

sebab. Pertamanya, kalau kita buka dalam bentuk estet, kita dapati pemungutan hasil akan berlaku dalam bentuk yang seragam, dalam bentuk yang banyak, begitu juga supply kepada kilang-kilang itu akan dapat berterusan. Saya difahamkan bahawa kilang-kilang dalam negeri Johor hari ini ada 3; 2 dimiliki oleh Lee Pineapple dan 1 lagi Kilang Nanas Malaysia Sendirian Berhad (PCM). Lee Pineapple ini boleh dikatakan boleh tahanlah, baguslah, fasal dia mendapat bekalan daripada estetnya sendiri, tetapi daripada Kilang Nanas Malaysia Sendirian Berhad, milik Kerajaan ini, agak tidak menjamin dari segi pasarannya fasal dia dapat bekalan daripada pekebun-pekebun kecil. Jadi, apabila dapat daripada pekebun kecil, maka kira rasa sesuatu yang sukar kerana supplynya adalah tidak berterusan. Malah, satu kilang lagi yang bernama United Malayan Plantation telah memberhentikan operasinya sejak awal tahun 1987 ini dan telah tukar estet dia ini tak percaya lagi kepada nanas, dia tukar kepada estet kelapa sawit kerana dia tidak mendapat bekalan yang cukup.

Jadi, daripada cerita-cerita yang ada ini, daripada bukti-bukti yang telah saya nyatakan itu menjelaskan kepada kita bahawa kilang-kilang mati bukanlah kerana nanas itu tak dapat ditinkan ataupun tidak mendapat sambutan daripada luar negeri, tetapi nanas-nanas itu mendapat pasaran kerana tidak cukup pengeluaran daripada kilang-kilang dan apabila tidak cukup, sudah barang tentulah kita dapati dia tidak akan dapat mengeksport keluar negeri dengan lebih banyak, disebabkan oleh tidak cukupnya buah-buah tempatan itu sendiri.

Dalam soal ini, selain daripada menjadikan estet, saya juga mencadangkan bahawa kita perlu mengadakan penyelidikan-penyelidikan, bukan sahaja di Johor, saya dapati tanah gambut ini tanah

yang sesuai dengan nanasnya bukan sahaja di Johor, bukan sahaja di Daerah Pontian, tetapi juga di negeri-negeri yang lain, tetapi sejauh manakah pegawai-pegawai kita boleh bertanggungjawab ataupun bersedia untuk ke negeri-negeri yang lain, selain daripada negeri Johor itu sendiri.

Selain daripada itu juga, kita nampak bahawa kalau kita hendak bekerja kepada nanas itu, biarlah kita bekerja kepada nanas sahaja. Tak usahlah banyak sangat, nanaslah, kelapalah, rambutanlah, kemudian ada tanaman-tanaman lainlah. Jadi, kalau amalan ini amalan yang begitu banyak menjerus, maka kita tidak dapat satu tumpuan yang khusus, maka perlulah diadakan satu bentuk, iaitu amalan tunggal. Amalan tunggal ini ertinya kita bekerja sepenuh masa terhadap usaha-usaha mengeluarkan nanas sahaja.

Selain daripada itu juga, saya turut mencadangkan bahawa bila kita buat kajian ini mungkin kita adakan keperluan untuk menanam semula nanas-nanas ini. Bagi untuk menjayakan hasrat tanaman semula ini, Kerajaan perlulah juga berhati-hati memberikan bantuan, bukan yang hendak beri bantuan sahaja ataupun yang meminta berdasarkan kertas kerja (working paper), sahaja, tetapi bantuan itu perlulah dari segi kemampuan, dari segi kesungguhan, dari segi pertimbangan-pertimbangan permintaan kilang perlu juga diberikan perhatian.

Selain daripada itu juga pihak Lembaga ini yang akan ditubuhkan nanti perlulah juga mengkaji tentang perkhidmatan perkembangan. Sejauh mana perkhidmatan perkembangan telah diadakan bagi memastikan bahawa nanas-nanas ini akan dapat berkembang dari segi bentuk pasarannya, dari segi bentuk kegunaannya, bukanlah hanya

semata-mata nanas yang ditinkan sahaja, air nanas mungkin ada kegunaan-kegunaan yang lain. Jadi, perkembangan itu perlulah dimajukan daripada masa ke semasa dan ini adalah merupakan tanggungjawab Kementerian kita sendiri. Di samping itu, saya mengesyorkan juga kita perlulah meningkatkan ceramah kita, kursus kita, bimbingan, seminar dan sebagainya daripada masa ke semasa.

Saya tertarik cadangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kita juga sedang bersedia untuk mengadakan satu kawalan mutu nanas yang baik. Dalam soal ini, saya mengesyorkan kepada pekilang-pekilang nanas perlulah mengikut syarat-syarat kesihatan yang telah ditetapkan oleh Lembaga sebelum meluluskan pembaharuan lesen mereka setiap tahun. Saya tidak mahulah meletak satu sangkaan buruk, iaitu lesen itu diberikan tanpa mengindahkan soal-soal kesihatan, tetapi perlulah kita ingatkan bahawa soal kesihatan kerana ini merupakan satu faktor yang penting terhadap nanas-nanas yang ditinkan. Jadi, bagi kita memastikan bahawa soal kesihatan ini penting sebagaimana yang diminta di dalam cadangan tadi, perlulah kita melihat kepada syarat-syarat untuk memenuhi keperluan kesihatan itu sendiri.

Saya juga nampak satu masalah yang nyata kilang-kilang kita ini menghadapi kepupusan disebabkan oleh wujudnya saingan terutama daripada Thailand—Thailand hari ini satu negara yang bersaing dalam semua aspek, bukan sahaja baju Siam, bedak Siam, ayam Siam, keropok Siam, ikan Siam tetapi juga nanas Siam. Mereka juga bersaing dalam soal ini.

Jadi perlulah ada satu pengajian ataupun satu dasar ataupun satu cara bagaimana Kementerian ini dapat menjalankan usaha bagi memastikan

bahawa tidak berlaku saingan daripada Thailand itu sendiri. Kajian-kajian perlulah diambil kira bukan sahaja kita memperlhatikan dari segi tanah, mutu, bantuan, tetapi saingan daripada Siam itu adalah satu perkara yang tidak seharusnya dipandang sebagai satu perkara yang ringan.

Saya juga tertarik kepada masalah sistem pengairan yang ada iaitu kedapatan di musim-musim tertentu kilang-kilang dan juga kawasan nanas ini ditenggelami air pada musim tertentu, musim banjir ataupun bah dan ini telah banyak menyebabkan nanas-nanas itu mati.

Selain daripada kita mendapat nasihat pakar daripada MAFDI sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, kita juga mencadangkan supaya sistem pengairan dikemaskinikan ertinya soal ini pihak Kementerian kita perlulah menggabungkan usaha-usaha penanaman itu meliputi bukan sahaja Kementerian yang ada tetapi juga bersangkut paut dengan kementerian-kementerian yang lain.

Di samping itu juga, saya ingin menambah sedikit iaitu mengenai dengan pindaan ini iaitu kepada komposisi Lembaga. Saya menyokong penuh pada cadangan ini iaitu untuk menambahkan wakil-wakil dari Perbendaharaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Cadangan saya ini adalah berdasarkan bahawa Ahli Lembaga yang akan ditambah daripada Perbendaharaan dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini akan memungkinkan dari segi peningkatan pasaran-pasaran. Kita faham bahawa pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian merupakan satu pihak yang memainkan peranan penting di dalam soal-soal pemasaran terutama di luar negeri. Jadi dengan adanya pertambahan Ahli Lembaga daripada

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini akan mengukuhkan untuk memberikan sokongan yang lebih terutama dalam aspek pemasaran di peringkat luar negeri.

Begitu juga kita menyokong penuh tambahan Ahli Lembaga daripada Perbendaharaan kerana merekalah juga merupakan orang yang berwibawa ataupun, dengan izin, authority dalam soal-soal kewangan itu sendiri. Kita tidak mahu Ahli Lembaga itu hanya tahu mentadbir sahaja tetapi apabila sampai kepada soal-soal kewangan, mereka tidak mampu berbuat demikian, akibat kekurangan kepakaran dan kewibawaan dari segi kewangan itu sendiri.

Selain daripada itu, saya turut menyokong Fasal 2 yang memasukkan satu takrif "canned pineapple" diperluaskan bagi merangkumi nanas yang dicampur dengan buah-buahan lain untuk mengawal amalan-amalan salah yang tertentu di dalam perindustrian ini.

Jadi kalau kita sudah dapati bahawa terdapat amalan-amalan salah selama ini yang boleh menyebabkan kepada peracunan dan seumpamanya, maka tambahan takrif "canned pineapple" itu adalah sangat مناسبah bagi tujuan memastikan nanas-nanas dieksport nanti akan memberikan jaminan, kita tak mahu lagi mendengar cerita-cerita yang ada setengah negara mengeksport makanan yang dalam tin tetapi beracun ataupun mempunyai mutu kesihatan yang rendah. Jadi, tambahan kepada takrif itu merupakan satu tambahan yang sangat baik.

Saya juga turut menyokong Fasal 6 yang bertujuan meminda Seksyen 10 bagi memperuntukkan perlantikan seorang Ketua Pegawai Eksekutif dengan maksud untuk memastikan Lembaga berfungsi dengan lebih berkesan dan pengurusan sewajarnya.

Pada masa sekarang pentadbiran urusan hari ke hari adalah diuruskan oleh Setiausaha Lembaga itu. Sepatutnya perkara ini telah lama diambil berat dan saya kira dengan wujudnya seorang Ketua Pegawai Eksekutif, dia akan lebih memudahkan lagi kerja-kerja dari segi pengurusan, pentadbiran, pelaksanaan dan juga kuasa. Jadi kita menyokong penuh agar Ketua Pegawai Eksekutif ini dilantik seberapa segera dan perlu diingatkan juga walaupun tadi ada pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, kita menyokong penuh bahawa Ketua Pegawai Eksekutif ini mestilah daripada orang-orang yang berpolitik, tetapi politik mereka, saya tak mahulah politik cara PAS ataupun politik cara DAP yang saya kira merugikan, tetapi adalah merupakan orang yang berpolitik cara Barisan Nasional, bukan cara DAP dari Pasir Pinji dan sebagainya.

Jadi, saya kira. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Mengapa pula DAP disentuh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, jangan buat begitu, teruskan ucapan. Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya tengok mengantuk sahaja, usiklah sekali-sekali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, saya mencadangkan supaya dilantik daripada orang-orang politik yang menyokong Kerajaan. Kalau dia sokong Kerajaan sahaja tetapi dia tak tahu soal-soal nanas ini tak usah dilantiklah, macam Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu ini, dia tak tahu soal nanas, Barisan

Nasional pun ada kata juga, tetapi kita hendaklah lantik mereka yang mempunyai authority, yang mempunyai wibawa, kalau boleh orang yang duduk, yang lihat, yang bersekongkol dengan masalah nanas itu sendiri. Saya tidak setuju kalau kita lantik orang-orang politik tetapi dia tidak menyokong dasar Kerajaan, nanti dia sabotaj dan bankrapkan pula Kerajaan itu sendiri seperti DAP. Jadi, saya kira. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36 (6). . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia menyebut DAP, bukan Ahli dari Pasir Pinji.

Tuan Lau Dak Kee: Tetapi ini tidak ada kena mengena dengan DAP. Ini projek Kerajaan, hanya Kerajaan boleh lantik sesiapa yang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Fasal 36 (1).

Tuan Lau Dak Kee: Peraturan Mesyuarat 36 (1). Okay. Ini tak ada kena mengena. Ini hanya buang masa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baiklah Yang Berhormat, saya terima. Sila duduk! Yang Berhormat dari Marang jangan menyentuh perkara itu. Teruskan. Sudah habis?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ada sedikit lagi.

Saya juga difahamkan bahawa dalam bentuk langkah jangka panjang, PCM iaitu sebuah kilang nanas di Johor telah membuka tanah seluas 2 ribu ekar yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Johor. Saya kira ini adalah merupakan satu usaha yang

baik, satu usaha yang baru tetapi kira minta bahawa tanah yang dibuka dan akan dibuka ini mestilah ditukarkan dalam bentuk estet.

Kita telah melihat kegagalan pekebun-pekebun kecil dari segi pengurusan, dari segi supply buah-buahan secara berterusan. Jadi, kita minta adalah tidak menasabah kalau sekiranya tanah 2 ribu ekar ini kita bukakan dalam bentuk pemecahan tanah-tanah lot, kita tak perlu berikan kepada orang-orang yang tertentu atau kerana politik tertentu, tetapi akhirnya projek itu mati.

Saya kira tanah dua ribu ekar yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Johor ini yang akan diusahakan mestilah dijadikan satu modal, satu cara baru ke arah meningkatkan industri nenas sebagai satu industri yang berupaya menyumbangkan hasil-hasil ekonomi dalam bentuk estet. Kita percaya bahawa kalau kita tidak yakin dengan pekebun-pekebun kecil dalam bentuk lot-lot yang berpecah dalam bentuk pekebun-pekebun kecil, maka sudah sampai masa dan ketikanya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mencuba tanah dua ribu ekar ini dalam bentuk estet dan kita minta selain daripada tanah dua ribu ekar ini kita minta juga Kementerian kita akan bekerjasama dengan negeri-negeri yang lain supaya membuka lebih banyak lagi estet nenas dan kita mesti ingat pembukaan estet nenas ini adalah merupakan penjurusan kepada pertolongan manusia-manusia terutamanya "Melayu", saya cakap terus terang, di luar bandar agar taraf hidup mereka juga naik sebagaimana taraf hidup petani-petani yang lain atau para nelayan yang lain.

Kalau kita sudah merasakan bahawa tunggak dan kekuatan kita datang daripada luar bandar dan kita merasakan juga merupakan peranan yang penting maka sudah sampai masa

dan ketikanya kita memastikan bahawa industri nenas merupakan industri yang mesti hidup, bukan malap, bukan kerana satu kilang mati maka kita tidak memberi kekuatan dan keyakinan untuk membuka industri seterusnya.

Saya kira kalau kita mempunyai kekuatan dan keyakinan kita akan berjaya dengan cara, dengan hasrat bahawa kita satu pihak, pekebun satu pihak, ibarat dua tebing taliair yang mengaruskan satu matlamat iaitu airnya, iaitu pencapaian mutu nenas yang lebih baik.

Jadi dengan kata-kata itu, saya memohon menyokong penuh Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas bagi tahun 1957 bagi dipinda pada tahun 1987 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya daripada Lembah Pantai tidak ada kebun nenas yang hendak diperbincangkan, tetapi saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957 yang mana telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

Dalam Ordinan ini telah pun dibuat sejak 1957 iaitu tarikh kemerdekaan kita dan kita telah pun 30 tahun merdeka. Saya rasa Ordinan ataupun Rang Undang-undang ini sudah sepatutnya tidak lagi naskhah sahnya dalam bahasa Inggeris supaya dapat ditukarkan terus dalam bahasa Malaysia ataupun Bahasa Kebangsaan. Kerana soal nenas ini saya rasa bukan soal melibatkan

banyak ayat-ayat ataupun perkataan-perkataan yang tidak boleh dimengertikan. Oleh itu, saya mengharapkan supaya pindaan-pindaan yang akan datang ini supaya dapat diteruskan dengan semuanya dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Rang Undang-undang ini banyak telah diperkatakan Fasal-fasal 2, 3, 4, 5, 6 dan 7. Pada dulunya sejak undang-undang ini dibuat iaitu sebelum tahun 1957 negara kita ini lebih-lebih lagi di negeri Johor yang mana pada suatu masa dahulu adalah negeri yang mengeluarkan perindustrian nanas di negara Malaya dan Malaysia sekarang ini. Tetapi oleh kerana jagaan ataupun perusahaan ini rasa saya tidak dijaga dengan baik sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan tadi juga, negara-negara lain telah pun mengambil kesempatan untuk menjadikan estet-estet yang besar dan perindustrian yang besar seperti Filipina, Thailand dan yang lain-lain telah mengambil alih apa yang kita telah usahakan dahulu sekarang kita telah tinggal kebelakangan.

Jadi, dalam masalah ini nampaknya pihak Kerajaan telah cuba kembali untuk membaiki dan untuk meluaskan kembali perindustrian nanas ini di dalam negara kita. Oleh itu, dalam masalah ini banyak masalah-masalah yang patut kita sama-sama khususnya Kerajaan, pihak orang ramai, pihak ahli-ahli politik supaya dapat bersama-sama menyokong akan Rang Undang-undang ini dan di samping itu dapat berusaha bersama dengan rakyat agar rakyat akan dapat menanam lebih banyak nanas dan di samping itu akan menambah salah satu lagi pendapatan wang negara kita yang boleh menjadikan hasil kepada negara kita ini.

Jadi, dalam masalah ini, kita mengharapkan sebagaimana yang dikatakan dalam Fasal 6 Ordinan ini

yang menyatakan akan dilantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang pada masa sekarang ini belum ada lagi, ianya hanya dijalankan atau diuruskan oleh Setiausaha Lembaga itu. Saya rasa pegawai ini perlu dan memanglah pada tempatnya, tetapi saya harap pegawai ini supaya benar-benar mereka ini memahami akan soal nanas. Kita tidak mahu orang yang tahu soal getah tetapi dihantar kepada nanas. Rasa saya dalam masalah nanas tidak akan berjalan. Oleh itu, kita mengharapkan pegawai-pegawai yang berkenaan ini memahami akan selok-belok nanas. Mereka inilah yang akan bertanggungjawab.

Dan di samping itu juga, dalam masalah perlantikan Ahli-ahli Lembaga, komposisi Lembaga yang mana ini akan ditambah daripada Perbendaharaan serta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya rasa dalam masalah ini ahli-ahli yang berkenaan ini juga mesti tahu serba-sedikit soal nanas. Kalau tidak, undang-undang ini tetap dengan undang-undang tetapi pelaksanaannya tidak akan berjalan. Akhirnya, apa sahaja rancangan yang kita buat oleh Kerajaan semuanya gagal.

Dalam masalah ini kita mengharapkan semuanya apa yang ada berkenaan ini mereka ini benar-benar memahami soal ini. Dan di samping itu yang akhir sekali dia katakan untuk dilantik (*h*) ini "The State Director of Agriculture, Johor."

Dalam masalah ini rasa saya sekarang ini bukan Johor sahaja yang boleh ditanam nanas tetapi di negeri-negeri lain juga termasuk di Sarawak. Rasa saya Sarawak pada suatu masa ada juga nama "nanas Sarawak" yang popular sehingga ke hari ini.

Director atau Pengarah atau Pengarah-pengarah ini hendaklah supaya dapat juga dilantik daripada

negeri-negeri yang lain yang ada mengeluarkan banyak nanas. Umpamanya, di Selangor sendiri rasa saya banyak juga ladang-ladang nanas yang telah dibuka. Mereka ini juga perlu dimasukkan ke dalam Ahli Lembaga ini supaya dapat menolong Ahli-ahli Lembaga yang lain bagi meluaskan masalah penanaman nanas ini.

Soal yang lain, kita mengharapkan juga di samping telah kita sediakan nanas ini supaya pemasaran khasnya pemasaran dari luar negeri ini juga patut diambil ingat dan diambil kira oleh pihak-pihak berkenaan terutamanya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ini juga harus.

Kerana kita lihat kadangkala apa sahaja pengeluaran negeri kita umpamanya, nanas, kelapa sawit, buah-buah pisang dan seterusnya. Apabila kita pergi ke luar negeri, negeri-negeri yang lain yang mengambil alih. Umpamanya, jiran kita negeri Singapura. Misalnya, kelapa. Singapura tidak ada kelapa. Singapura tidak ada nanas dan sebagainya. Tetapi kita lihat di luar negeri benda-benda ini diimport dan ditulis di belakang tinnya "diimport dari Singapura". Apa sebabnya? Sedangkan kita adalah pengeluar utama barang-barang ini tetapi negara lain yang mengambil alih dan mengambil keuntungan.

Oleh itu, dalam masalah inilah harapan saya supaya Lembaga ini berusaha bersungguh-sungguh nanti supaya kita dapat mengeksport nanas ini ke luar negeri supaya mereka ini dapat membeli dan datangnya dari Malaysia sendiri bukan melalui Singapura dan sebagainya. Contohnya, di negara-negara Islam. Umpamanya, kawan-kawan orang-orang Islam di sini pernah dan ada yang telah pergi dua tiga kali ke Mekah, tiap-tiap tahun 26,000, 27,000

rakyat Malaysia ini pergi ke Mekah tetapi kita tidak lihat nanas yang telah ditinkan, tidak ada lebelnya yang dikatakan datang daripada Malaysia. Itu apa yang saya dapat tahu.

Dalam masalah ini jugalah di negara-negara mana orang kita pergi supaya nanas-nanas ini dapat dieksport ke negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Dalam soal yang lain di sini juga ada dihuraikan Fasal "canned pineapple" ini yang mana diragui nanas yang dicampuri dengan buah lain atau air lain. Ini berlaku dalam kapalterbang apabila air nanas ini telah pun dihidangkan kepada tetamu ataupun penumpang-penumpang tetapi kadangkala kita rasa air nanas yang diberi itu, nanasnya tidak ada lagi rasanya. Hanya air yang lebih. Oleh itu, dalam masalah ini keaslian nanas itu tidak ada. Kemungkinan ini juga akan jatuh kualitasnya, dengan campuran air yang begitu banyak. Orang-orang luar merasakan air nanas yang dalam kapalterbang kita, nanas ini tidak sedap dan nama Malaysia akan busuk.

Jadi dalam masalah ini kita mengharapkan kalau benar-benar kita hendak mengedar dan memasarkan nanas kita ini supaya jangan dicampur-aduk atau dicampur-campurkan dengan buah-buah yang lain, kalau benar nanas ini datang dari negara kita, maka hendaklah ditunjukkan benar-benar ianya datang dari negara kita. Dengan itu barulah dapat dirasai oleh orang-orang luar khasnya pelancong-pelancong yang datang ke negara kita.

Selain daripada itu, supaya Lembaga ini juga mencari jalan, jangan hendak ingat apa sahaja hendak buat datangnya daripada kepala Pak Menteri. Umpamanya pada suatu masa, Menteri Pertanian kita minta semua kalau boleh minum air kelapa, buah tempatan dan

seterusnya. Rasa saya, tidak usah tunggu lagi daripada Menteri-menteri atau Ahli-ahli Lembaga ini. Bukan nanas sahaja, tetapi yang lain. Umpamanya nanas ini juga, kalau kita pergi di Filipina ataupun kalau singgah di Hawaii, di hotel-hotel terkemuka ataupun hotel-hotel yang kecil sekalipun mereka ini memperkenalkan air nanas dan kadangkala sebiji nanas dihidangkan pada kita, dengan ditaruhkan bunga-bunga dan seterusnya. Ini juga sepatutnya dapat kita perluaskan di dalam hotel-hotel yang besar dalam negara kita ini di Kuala Lumpur khususnya. Sekarang ini ada sedikit rasa saya telah dicuba tetapi perlu diperluaskan lagi. Jangan tiba arahan, buat apa yang ada di dalam negara kita ini supaya dapat maju, dapat dirasai dan mendapatkan kewangan yang lain dan di samping itu, mendapatkan nama yang baik oleh pelancong-pelancong yang melawat ke negara kita ini.

Selain daripada itu, dalam penanaman nanas ini juga, kita tidak usah pihak Kerajaan mengarahkan orang kampung menanam nanas, tetapi akhirnya apabila mereka telah menanam nanas hendak dijual tidak dapat. Oleh itu, peranan FAMA juga harus mengambil peranan yang penting dalam soal ini. Jikalau tidak, penanam-penanam nanas yang tanahnya satu ekar, dua ekar ini akan lari dan akan meninggalkan tanaman nanas ini kerana hasil-hasil mereka tidak dapat dipasarkan sama ada di dalam atau di luar negeri. Dalam soal yang lain, kita mengharapkan juga nanas-nanas yang ada sekarang ini, sebagaimana ada Ahli Yang Berhormat mengatakan tadi iaitu pihak yang berkenaan umpamanya MARDI supaya dapat membuat penyelidikan bahawa nanas yang dikeluarkan di dalam negara kita ini rasanya manis, isinya baik, tahan lama apabila kita eksport ke luar negeri, tidak busuk dalam seminggu ataupun

dua minggu, boleh tahan kulitnya dan di samping itu, boleh dilihat sebagai nanas yang asli, masih lagi baru tampuknya, tidak sebagaimana sekarang ada yang dihantar ke luar negeri tampuknya sudah hitam legam, isinya pun sudah tidak elok.

Dalam keadaan ini, rasa saya bila kita eksport, bila nanas daripada Malaysia sahaja, mereka akan tolak, tidak hendak, kerana penjagaan, pengawasan yang tidak diawasi dengan baik. Ini juga akan merugikan ataupun orang luar tidak akan dapat membeli. Inilah harapan saya di samping untuk menyokong di dalam Rang Undang-undang ini dan kita mengharapkan kilang-kilang yang lain juga akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan. Dan di samping itu, juga kita mengharapkan apabila nanas-nanas ini dieksport ke luar negeri, kalau boleh label-label itu ditulis dengan baik, diadakan warnanya dengan baik, buah nanas ditunjuk dengan keadaan gambar yang baik. Jangan hanya sekadar rupa nanas sahaja. Ini juga tidak menarik. Rasa saya dengan penarikan ini juga, satu usaha pihak luar akan tertarik untuk membeli nanas-nanas daripada negara kita ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Oleh kerana itu, dengan ini sekali lagi saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan saya mengharapkan supaya Rang Undang-undang ini dapat berjalan dengan baik. Mudah-mudahan perindustrian nanas dalam negara kita ini akan maju dan di samping itu, akan menolong penduduk-penduduk khasnya yang duduk di luar bandar akan dapat menjual dan menghasilkan tanaman-tanaman mereka. Dengan ini sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut.

5.05 ptg.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail (Sungai Benut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk meminta jawapan kepada beberapa soalan berkait dengan kawasan nanas yang ada di dalam kawasan Parlimen saya. Terutamanya saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, kalau satu kajian telah dibuat, di mana letaknya Lebuhraya Utara-Selatan di dalam kawasan Johor.

Sejauh mana yang saya tahu, pihak Lebuhraya Malaysia telah pun membuat ukuran dan nampaknya kebanyakan daripada Lebuhraya ini akan masuk ke dalam ladang nanas yang ada di kawasan saya. Jadi, kalau Kerajaan bertujuan berbuat demikian, saya harap Timbalan Menteri dapat memberikan keterangan sedikit, kalau suatu cadangan akan ditimbulkan untuk meminda ataupun membuka tanah yang lain bagi perusahaan nanas.

Yang keduanya, penduduk-penduduk di ladang nanas di kawasan saya dan saya yakin juga di kawasan-kawasan rakan-rakan saya dari Pontian dan Bakri dan sebagainya telah kebelakangan dari segi kemudahan-kemudahan asas. Mereka telah bekerja di dalam kawasan-kawasan nanas selama 30 tahun lebih, tetapi sampai sekarang ini kemudahan-kemudahan seperti api dan air belum lagi disampaikan. Dan saya juga ingin bertanya berkenaan dengan dasar jangka panjang Kementerian dan Kerajaan berkenaan dengan perindustrian nanas ini, oleh kerana di dalam Rang Undang-undang Timbalan Menteri telah membentangkan satu perlantikan, Chief Executive Officer, dengan izin, untuk menjalankan tugas-tugas Lembaga Nanas. Kita tidak mahu satu situasi di mana kalau perindustrian nanas sepertimana yang telah dikatakan oleh kawan saya dari Bakri

tadi, menjadi sun set industry, dengan izin, pegawai ini akan menjadi seperti Laksamana Tentera Laut di Switzerland—jawatan ada, tetapi lautnya tidak ada. Jadi, saya harap, dengan ini Timbalan Menteri dapat memberikan keterangan-keterangan sedikit yang saya dapat sampaikan kepada pengundi-pengundi saya di kawasan Sungai Benut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pontian.

5.08 ptg.

Tuan Law Lai Heng (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, saya sama-sama mengambil bahagian membahas Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Pontian, seperti apa yang telah disarankan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut dan juga Bakri merupakan satu kawasan atau daerah untuk tanaman nanas yang boleh dikatakan banyak. Dan sangat dukacita juga pada satu masa dahulu boleh dikatakan di negeri Johor, Pantai Barat Negeri Johor iaitu Daerah Pontian, boleh dikatakan keluaran nanas yang banyak sekali sehingga kita dapat mendirikan satu kilang yang baru di Pulau Sebatang. Itu dalam tahun 60an dan 70an. Malangnya kilang itu telah didirikan dan juga penanam-penanam nanas telah berkurangan kerana rancangan Johor Barat yang telah menjayakan rancangan itu merupakan satu langkah untuk mendorong penanam-penanam nanas, tetapi sebaliknya pada tahun 70an dan awal 80an kerana komoditi atau harga minyak kelapa sawit melambung naik, jadi kesemua penanam-penanam nanas itu sudah tukar, ubah syarat menanam kelapa sawit. Jadi, ini adalah satu sebab yang tidak menggalakkan mereka itu sehingga satu kilang untuk Kerajaan

membina kilang itu untuk sebenarnya hendak memberikan kebaikan kepada penanam itu tetapi sebaliknya kilang itu terpaksa diubahkan kepada kilang yang lain.

Sehingga pada saat ini apa yang diutarakan oleh saudara rakan-rakan saya yang lain kata ada 3 kilang di negeri Johor. Yang sebenarnya yang beroperasi hanya 2 sahaja, yang satu lagi saya fikir tidak lama akan ditutup terus. Jadi boleh dikatakan perindustrian nanas ini pada masa dahulu mendatangkan banyak hasil kepada negara kita dan juga kepada petani-petani yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dengan pindaan Rang Undang-undang Perindustrian Nanas ini sungguhpun terlewat sedikit kerana ini sudah hampir 30 tahun baru kita mengubah cara sistem pentadbiran perindustrian ini dan saya percaya dengan pindaan ini, dengan tambahan clause, seksyen-seksyen yang tertentu saya fikir akan membawa kebaikan dan mengubah nasib penanam nanas di kawasan saya khasnya di Pontian iaitu saya fikir ada jaminan iaitu dalam Seksyen 3 (f) dua orang menjadi wakil dari pengilang, 2 orang daripada pengusaha-pengusaha atau pekebun-pekebun nanas akan duduk dalam Lembaga itu.

Selain daripada itu, saya fikir yang penting sekali iaitu yang telah membolehkan seksyen-seksyen tambahan yang lain iaitu Seksyen 8A dan 8B yang membolehkan bahawa Lembaga ini dapat melaburkan kepada pelaburan yang tertentu akan mendapat balik keuntungan. Saya berharap sangat Lembaga ini benar-benar melaburkan itu dan mendapat keuntungan dan keuntungan itu dapat memberikan insentif berupa subsidi untuk mereka itu memohon seperti baja dan sebagainya. Saya fikir ini yang penting, kalau kita melaburkan dapat

keuntungan tetapi keuntungan itu tidak dapat dinikmati oleh penanam-penanam nanas itu dan tidak dapat menggalakkan mereka itu meneruskan perusahaannya dalam bidang penanam nanas.

Pada masa ini boleh dikatakan kebanyakan tanah-tanah khasnya di kawasan saya ini sudah banyak diubah syarat tanam koko, kopi dan kelapa sawit atau getah, dan ini sangat tidak menyenangkan. Saya percaya dengan pindaan Rang Undang-undang ini membolehkan Lembaga ini mengusahakan dan juga memberi galakan kepada penanam-penanam yang sedia ada menjadi penanam nanas, jangan lagi ubah syarat menanam dengan lain jenis tanaman dan ini saya fikir yang penting. Jikalau Lembaga ini tidak memainkan peranan ini, saya khuatir juga apa yang kita laksanakan pun tidak akan mencapai matlamat seperti apa yang kita utarakan dalam Dewan yang mulia ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat melalui Kementerian yang berkenaan dan juga Lembaga yang sedia ada ini mesti juga berikhtiar melalui Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan memberikan tanah yang lebih sesuai kepada orang perseorangan. Ini adalah pandangan yang berlainan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menggalakkan supaya perusahaan industri ini merupakan estet, tetapi kalau Kerajaan sanggup memberikan tanah itu supaya dapat diusahakan merupakan mini-estet-mini-estet maknanya tiap-tiap seorang dapat hak tanah itu tetapi usahanya usahasama. Saya fikir ini akan menjamin pengeluaran nanas dari masa ke semasa kerana nanas ini bergantung kepada musim pula lagi. Jadi, saya percaya kalau ada usaha-usaha kajian ini, penyelidikan dan kesesuaian, akan membantu penanam-penanam nanas di kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang diutarakan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi, hujah yang disampaikan itu boleh dikatakan hujah-hujah saya jugalah, tetapi Yang Berhormat itu berucap dahulu. Jadi, saya Ahli Parlimen kawasan Pontian bersama-sama jugalah menyokong Rang Undang-undang ini, mudah-mudahan dengan Lembaga ini dan ahli-ahli Lembaga yang dilantik ini dapat berusaha dan mendapat keuntungan dan juga dapat memberikan faedah yang baik kepada petani khususnya penanam nanas di kawasan Pontian.

Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan). Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.25 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang telah berbahas dan memberi pandangan-pandangan yang berguna di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Setengah-setengahnya pula memberi idea-idea yang cukup baik yang boleh kita gunakan dalam perancangan untuk memajukan lagi perusahaan nanas di negara kita ini. Semua pandangan-pandangan tersebut diambil ingatan dan mana-mana yang boleh kita laksanakan, akan kita laksanakan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan tadi dan dipersetujui oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa perusahaan nanas telah mengalami saat-saat yang tidak begitu membanggakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, perlulah ditegaskan di sini bahawa yang mengalami kemerosotan di dalam pengeluaran

ialah sektor pekebun kecil. Angka-angka menunjukkan bahawa kemerosotan di dalam sektor perladangan tidaklah begitu ketara bahkan angka-angka daripada tahun 1980 hingga 1986 menunjukkan bahawa pengeluaran di peringkat ladangan iaitu tanaman secara perladangan telah bertambah daripada 111,600 tan kepada 130,000 tan. Tetapi sebaliknya, pengeluaran dari sektor pekebun kecil telah menurun daripada 73,700 tan dalam tahun 1980 menjadi 18,500 tan pada tahun 1986. Angka ini jelas menunjukkan bahawa masa depan perusahaan nanas di negara kita bergantung kepada perusahaan secara berestet. Pengalaman kita yang lepas menunjukkan bahawa tanaman secara pekebun kecil telah tidak mendatangkan kemajuan yang memuaskan oleh kerana beberapa faktor.

Faktor yang pertama ialah bahawa sebahagian daripada pekebun kecil suka mengalih-alihkan tanaman mereka daripada nanas kepada kelapa sawit dan juga lain-lain tanaman. Pengalihan tanaman ini didorong oleh harga sawit yang lebih baik sejak beberapa tahun kebelakangan.

Yang kedua ialah kekurangan tenaga buruh yang menyebabkan banyak kebun-kebun nanas terbiar atau tidak diuruskan dengan sempurna.

Faktor yang ketiga ialah kebanyakan pekebun kecil yang ada sekarang ini mempunyai kurang daripada 5 ekar keluasan tanah dan ini adalah satu angka yang tidak ekonomik. Dengan demikian kebun kecil nanas adalah diusahakan secara sambil-sambilan dan menjadikan penanaman nanas itu sebagai pendapatan sampingan dan tidak merupakan suatu usaha yang tunggal.

Dalam keadaan yang demikian, saya bersetuju dengan pandangan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat

seperti Ahli Yang Berhormat dari Bakri, dari Bukit Bintang, dari Marang, Lembah Pantai dan lain-lain yang telah mencadangkan supaya perusahaan nanas ini dijadikan perusahaan secara estet.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita Malaysia ini terdapat 2.4 juta hektar tanah gambut dan di Semenanjung Malaysia ini terdapat 1 juta ekar tanah gambut yang sesuai untuk ditanam dengan nanas, yang ditanam dengan nanas sekarang ini hanyalah 14,000 hektar sahaja. Oleh yang demikian, peluang untuk kita menanam nanas adalah terbuka dengan luas sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri sanggup memberi tanah-tanah yang terbiar itu untuk dijadikan estet nanas. Pihak Kementerian saya melalui Lembaga Nanas sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk menyakinkan Kerajaan Negeri tentang potensi perusahaan nanas ini dan kita berharap lain-lain Kerajaan Negeri akan menyambut cadangan ini secara positif seperti yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perusahaan nanas di negeri Johor, kita telah mendapat kesimpulan bahawa kilang yang sekarang ini menggantungkan hasil daripada pekebun kecil 100% telah mendapat masalah yang sangat besar, iaitu oleh kerana adanya supply yang tidak menentu dan juga masalah memungut dan masalah buah masak tidak serata dan oleh kerana itu seperti yang telah dijelaskan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, Kerajaan Johor telah memberi seluas 2,000 ekar untuk dijadikan estet bagi PCM iaitu Kilang Nanas Malaysia Sdn Bhd, yang pada masa lalu bergantung bulat-bulat kepada hasil daripada pekebun kecil. Dengan adanya estet itu sendiri kita berharap kilang nanas Malaysia akan dapat berfungsi secara lebih menguntungkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara lebih detail. Yang pertama iaitu Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang telah menyentuh tentang perlantikan Ketua Eksekutif. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perlantikan Ketua Eksekutif Lembaga ini akan dibuat berdasarkan pemilihan yang cukup teliti dan Pegawai yang akan dilantik itu akan terdiri daripada seorang yang cukup berpengalaman dan mempunyai latarbelakang yang cukup baik. Tidak timbul soal untuk melantik bekas Menteri atau bekas Timbalan Menteri. Begitu juga kepada soal perlantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah seperti yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Saya ingin memberi jaminan kepada beliau bahawa Ahli-ahli Lembaga yang akan dilantik juga terdiri daripada orang-orang yang arif tentang perusahaan nanas.

Ahli dari Pengkalan Chepa juga telah menimbulkan perkara pelaburan yang akan dibuat oleh Lembaga ini seperti yang diperuntukkan di dalam Rang Pindaan yang dikemukakan sekarang ini. Beliau menyatakan supaya janganlah kita melabur dalam sektor-sektor yang haram. Saya ingin menegaskan bahawa saya tidak mahu terlibat di dalam perkara halal haram dengan wakil dari PAS itu oleh kerana perkara ini telah cukup dibincangkan di peringkat pilihanraya yang lepas dan masalah yang berlaku ialah tafsiran halal-haram antara ulama-ulama selalunya berselisih faham dengan pemimpin-pemimpin PAS. Apa yang para ulama kata halal, dia kata haram, apa yang para ulama kata haram, dia kata halal. Jadi masalah ini tidak dapat diselesaikan kalau kita berbincang dengan wakil dari Pengkalan Chepa itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bakri telah

menyentuh perkara turunnya produksi nanas di negara kita sehingga menyebabkan Malaysia sekarang ini turun dari tempat yang pertama dulunya ke tempat yang ketujuh. Saya ingin membetulkan sedikit maklumat yang didapati oleh Yang Berhormat dari Bakri itu iaitu kedudukan Malaysia pada masa ini dalam segi pengeksportan nanas ialah kita berada di tempat keempat selepas Filipina, Thailand dan Amerika Syarikat. Kedudukan ini adalah pada tahun lepas, iaitu dengan pengeluaran 2.1 juta peti piawai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan beliau supaya kita mengadakan strategi pemasaran yang lebih agresif, saya suka memaklumkan bahawa usaha-usaha sentiasa dibuat dari masa ke semasa. Kita sekarang ini mempunyai sebuah Pejabat untuk membuat promosi di London dan di samping itu kita sendiri menghantar rombongan promosi dari masa ke semasa ke luar negeri untuk menggalakkan penjualan nanas kita. Sebenarnya masalah untuk menjual nanas di luar negeri tidak timbul. Pengeluaran yang menjadi masalah, kiranya lebih banyak nanas tin boleh dikeluarkan kita boleh menjual dengan lebih banyak lagi ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membuat beberapa cadangan untuk menanam nanas di atas tanah mineral. Saya ingin menjelaskan bahawa kebanyakan dari tanah jenis ini telah pun ditanam dengan tanaman lain iaitu seperti getah dan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri sanggup memberi tanah-tanah yang lebih baik daripada tanah-tanah gambut, pihak Kementerian sentiasa mengalu-alukan keputusan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bantuan kepada pekebun-pekebun

kecil yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi, saya ingin menjelaskan bahawa pihak lembaga ini sentiasa membuat kajian-kajian dari masa ke semasa dan perubahan-perubahan sentiasa dibuat untuk memastikan bahawa bantuan menanam semula yang diberi kepada para petani akan dapat digunakan secara berkesan dan bahawa bantuan itu akan membantu menambah produksi pengeluaran buah nanas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh perkara mutu nanas yang dikeluarkan. Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa di dalam Lembaga ini terdapat satu unit merinyu yang sentiasa memeriksa dan mengkaji nanas-nanas yang dikeluarkan untuk memastikan bahawa mutu yang dikeluarkan itu adalah baik.

Mengenai persaingan dengan negara Thailand khususnya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, saya sukacita menjelaskan bahawa masalah persaingan ini berpunca daripada masalah kos. Sebenarnya Thailand boleh mengeluarkan barang-barang yang lebih banyak dan boleh mengeluarkan barang-barang dengan harga yang lebih murah termasuk nanas, oleh kerana kos pengeluaran mereka adalah rendah terutama kos harga buruh. Oleh yang demikian soal untuk kita melarang persaingan atau menghapuskan persaingan dari Thailand tidaklah timbul, oleh kerana kita tidak mungkin dapat menahan sesebuah negara daripada mengeluarkan apa jua barang yang mereka hendak keluarkan, dan pihak pembeli-pembeli di luar negeri pula tentulah sensitif kepada harga dan mutu. Sekiranya harga yang dapat ditawarkan oleh Thailand lebih murah, maka usaha yang patut kita buat ialah untuk menurunkan kos pengeluaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut tadi telah menyentuh tentang dasar jangka panjang perusahaan nanas.

Saya ingin menjelaskan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk terus memajukan perusahaan nanas ini dan seperti yang saya jelaskan tadi langkah jangka panjang untuk memajukan perusahaan ini bergantung kepada kejayaan kita untuk menanam nanas secara besar-besaran iaitu secara estet, yang boleh diuruskan dengan lebih tersusun dan dapat menjamin mutu buah nanas yang dikeluarkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut juga mencadangkan supaya kita mengadakan kempen untuk memperhebatkan penggunaan nanas kaleng di kalangan para penumpang hotel.

Saya ingin menjelaskan bahawa kebanyakan daripada

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Sungai Benut bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Ya.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengesyorkan berkenaan cadangan itu, tetapi saya ingat cadangan itu dibuat oleh Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih. Saya boleh diperbetulkan.

Saya ingin menjelaskan bahawa kebanyakan nanas kaleng yang kita keluarkan adalah untuk dieksport, cuma 7% sahaja dijual dalam negeri ini, dan tindakan akan sentiasa diambil untuk memperluaskan penggunaan nanas kaleng di tanahair kita sendiri terutamanya di hotel-hotel.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak sempat saya sentuh pada hari ini sedang diambil ingatan dan tindakan-tindakan susulan akan dibuat. Kalau perlu penjelasan secara bertulis akan dibuat selepas kajian-kajian selepas syor-syor tersebut dikaji dengan sehalus-halusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang dinamakan

Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Ordinan Peguambela (Sarawak) Bab 110 bagi tujuan seperti berikut:

- (a) mengadakan peruntukan untuk memberi pengiktirafan kepada ijazah Bachelor of Laws dengan izin, yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Diploma Lanjutan Undang-undang yang dianugerahkan oleh Institut Teknologi MARA, Malaysia sebagai kelayakan-kelayakan yang boleh diterima bagi seseorang untuk diterima sebagai peguambela di Sarawak.
- (b) mengadakan satu lagi sebab iaitu bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah yang mengawalselia amalan dan etiket profesion undang-undang yang kerananya seseorang peguambela boleh dipotong namanya daripada daftarai Peguambela atau digantungkan daripada menjalankan amalan di Sarawak.
- (c) mengadakan peruntukan bagi membolehkan Mahkamah Tinggi memotong nama seseorang peguambela daripada daftarai Peguambela atau menggantung seseorang peguambela dari menjalankan amalan jika nama telah dipotong daripada daftarai Peguambela atau ia telah digantung daripada beramal undang-undang di Malaysia Barat atau di Sabah.
- (d) Menggantikan Peguam Besar Negeri dengan Jawatankuasa Siasatan sebagai pemohon dalam prosiding untuk memotong nama seseorang

peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantung seseorang peguambela daripada beramal; dan

- (e) Mengadakan peruntukan untuk membolehkan Hakim Besar membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan:
 - (i) prosiding tatatertib terhadap mana-mana peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Seksyen 17 Ordinan Peguambela (Sarawak); dan
 - (ii) Penubuhan satu jawatankuasa siasatan dan berkenaan dengan pengawalseliaan pembicaraan dan penyiasatan perkara-perkara yang dibawa ke hadapan Jawatankuasa Siasatan atau dibawa olehnya.

Dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar-belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kelulusan-kelulusan yang diiktirafkan untuk seseorang diterima masuk sebagai peguambela di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak adalah sama. Pada masa yang lampau apabila sesuatu kelulusan diiktirafkan di Malaysia Barat kelulusan yang sama telah juga diiktirafkan di Sabah dan Sarawak dengan membuat pindaan-pindaan tertentu di dalam Ordinan Peguambela (Sabah) dan Ordinan Peguambela (Sarawak). Baru-baru ini kelulusan Ijazah Undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia dan Diploma Lanjutan Undang-undang daripada Institut Teknologi MARA, Malaysia telah diiktirafkan untuk seseorang

diterima masuk sebagai peguambela di Malaysia Barat. Bagi mencapai kesamaan tentang kelulusan yang diiktirafkan untuk seseorang diterima sebagai Peguambela di antara Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak maka Ordinan Peguambela (Sabah) dan Ordinan Peguambela (Sarawak) perlu dipinda dan bagi Negeri Sarawak ini melibatkan pindaan kepada Seksyen 4 Ordinan Peguambela (Sarawak).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 12 Ordinan Peguambela (Sarawak) dibuat oleh kerana pada masa ini didapati bahawa Ordinan tersebut tidak memberi kuasa kepada pihak yang berkenaan untuk memotong nama seorang peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantung seseorang peguambela daripada beramal di Sarawak jika ia telah didapati bersalah kerana melanggar apa-apa kaedah yang mengawalselia amalan dan etiket profesion Undang-undang. Peruntukan seperti ini adalah penting oleh kerana seseorang peguambela yang telah didapati bersalah sedemikian perlu dikenakan hukuman yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah dicadangkan supaya satu Seksyen Baru 12A dimasukkan ke dalam Ordinan Peguambela (Sarawak) untuk membolehkan Mahkamah Tinggi Borneo memotong nama seorang peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantungnya daripada mengamalkan Undang-undang sekiranya ia telah dikenakan tindakan sedemikian di lain-lain tempat di Malaysia iaitu di Malaysia Barat atau Sabah. Pada masa ini seseorang Peguambela yang beramal di Sarawak tidak boleh dikenakan tindakan sedemikian sekiranya namanya telah dipotong daripada daftarai peguambela atau digantung daripada beramal di Malaysia Barat atau Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 13 (3) Ordinan Peguambela (Sarawak) perlu juga dipinda untuk menggantikan Peguam Besar Negeri sebagai pihak yang boleh membuat permohonan dalam prosiding bagi memotong nama seorang peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantung seorang peguambela daripada beramal dengan satu Jawatankuasa Siasatan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 17 Ordinan Peguambela (Sarawak) ialah untuk membolehkan Hakim Besar Borneo dengan persetujuan Peguam Besar Negeri membuat kaedah-kaedah bagi prosiding tatatertib terhadap mana-mana peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat dan bagi mengadakan kaedah-kaedah bagi menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan. Buat masa ini kuasa membuat peraturan-peraturan adalah terhad dan tidak meliputi kedua-dua perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.55 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching) Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas satu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Negeri Sarawak. Terlebih dahulu ingin saya ucapkan syabas kepada semua Hakim-hakim, Majistret-majistret, peguambela-peguambela di Negeri Sarawak kerana mereka telah berjaya untuk menjagakan keadilan judicial di Negeri Sarawak itu yang mempunyai pentadbiran judiciary yang berasingan daripada judicial system di Semenanjung Malaysia. Mereka pun kadangkala dilupakan oleh negara kita walaupun mereka memainkan satu peranan yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini yang bertujuan untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak adalah satu tanda jelas bahawa pihak Kerajaan Persekutuan masih menghormati hasrat judicial profession di Negeri Sarawak bahawa masa kini bukan satu masa yang sesuai untuk memperkenalkan Legal Profession Act untuk meliputi Sarawak dan Sabah. Mereka di Negeri Sarawak dan Sabah masih berhasrat untuk terus menerus dengan sistem yang ada di kedua-dua negeri masing-masing ini. Ini satu masalah national integration yang harus kita mengendalikan dengan sabar dan saya harap Legal Profession Act yang sekarang berkuatkuasa di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tidak akan diperkenalkan di Sarawak dan di Sabah.

Dengan introduction sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini juga bahawa saya telah dimaklumkan oleh peguambela-peguambela di Sarawak bahawa pindaan ini telah ditunggu-tunggu lama oleh semua orang yang terlibat di negeri itu.

Walaupun bagaimanapun, saya ada menerima aduan daripada peguam-peguam bahawa peguam-peguam di negeri Sarawak itu serta Sarawak Advocates Association belum diberi peluang yang penuh untuk dirundingkan dengan pihak berkuasa mengenai Fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang ini sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Parlimen, dengan akibatnya bahawa banyak keraguan masih wujud di kalangan ahli-ahli legal profession di Sarawak ke atas Fasal-fasal tertentu di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan ini.

Saya sudah sebutkan bahawa Rang Undang-undang ini dialu-alukan dan ditunggu-tunggu lama kerana masalah tertib mesyuarat di antara peguambela-peguambela di Negeri Sarawak baru-baru ini menjadi satu masalah serius. Saya sebagai Wakil Rakyat pun selalu menerima aduan daripada rakyat jelata terhadap masalah yang mereka menghadapi apabila mereka berhubung dengan peguam-peguam mereka.

Satu masalah yang wujud ialah penyalahgunaan clients' accounts, dengan izin, oleh peguambela-peguambela tertentu. Perlulah saya tekankan di sini bukanlah ramai orang peguambela yang melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak diinginkan ini, ataupun mungkin adalah segelintir peguambela-peguambela sahaja yang kurang bertanggungjawab. Tetapi kegiatan satu ataupun dua orang peguambela yang melibatkan diri mereka dalam penyalahgunaan clients' accounts ini, sudah pun menghakiskan keyakinan awam ke atas professional ethics di antara peguambela-peguambela di Negeri Sarawak. Sejauh mana yang saya sedar hanya seorang peguambela telah didisiplinkan oleh Chief Justice Borneo. Satu tindakan lagi tentang seorang peguambela baru-baru ini pun telah ditarik balik kerana beliau telah

memberi jaminan untuk membayar balik wang yang dihutangkan.

Dan kerana itu di negeri Sarawak rakyat jelata yang selalu menggunakan perkhidmatan peguam-peguam meragukan tentang sama ada peguam-peguam mereka dapat diyakinkan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, peguam-peguam adalah officers of the court, dengan izin, yang bertanggungjawab untuk mentadbirkan keadilan atau administration of justice, dengan izin, sebagai satu institusi, sebagai batu asas untuk sistem "rule of law", dengan izin, di negara kita, sebagai asas kepada prinsip berasingan kuasa atau separation of powers. Peranan yang dimainkan oleh peguam-peguam adalah amat penting dan apa-apa keraguan terhadap integrity mereka harus dijelaskan sama sekali. Oleh kerana itu, saya mengalu-alukan pindaan ini supaya kaedah-kaedah dilaksanakan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan yang dilantik oleh CJ Borneo supaya ianya boleh melakukan ataupun merumuskan peraturan-peraturan sebagai tindakan untuk mengawal siasatan terhadap peguam-peguam tertentu yang kurang bertanggungjawab yang sudah membahayakan ataupun menghinati kepentingan clients mereka.

Walau bagaimanapun, aduan yang telah saya terima juga menyebutkan mengenai soal kelayakan ahli-ahli Jawatankuasa Siasatan ini. Siapakah yang layak untuk menjadi ahli-ahli Jawatankuasa Siasatan ini? Ada satu school of thought, dengan izin, yang memikir bahawa hanya peguam-peguam mereka layak untuk menghukumkan peer group mereka. Tetapi ada satu kumpulan lain yang mencadangkan bahawa wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan lain seperti, sebagai contoh sahaja, Consumers' Association ataupun Chambers of Commerce juga layak

bertugas sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Siasatan ini untuk memelihara legal profession ini dari tuduhan yang mungkin akan timbul bahawa mereka hanya cover their own track ataupun protect their own group sahaja, dengan izin. Perkara-perkara ini tidak jelas dalam Fasal yang ada oleh kerana Fasal 6 hanya meminda seksyen 17 di bawah Akta Peguambela Sarawak untuk CJ Borneo—seorang sahaja—melantik apa-apa Jawatankuasa Siasatan yang perlu dan tidak ada sebutan ke atas kelayakan ahli-ahli Jawatankuasa ini.

Satu cadangan telah pun dikemukakan bahawa cadangan untuk melantik Ahli-ahli Jawatankuasa ini harus diterima dari seorang Advocates Association mereka sendiri. Mereka berfikir bahawa mereka pun fasih dan mengetahui keadaan yang sebenarnya yang boleh mewakili sebahagian besar di antara golongan peguam-peguam untuk menjaga integriti legal profession di negeri Sarawak itu.

Yang kedua, ingin juga saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh CJ Borneo ke atas kaedah menyasat perkara-perkara tentang kelakuan yang kurang bertanggungjawab peguam-peguam tertentu di negeri Sarawak. Walaupun Akta ini ataupun Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada CJ Borneo seorang sahaja, walaupun demikian, tidak ada apa-apa Fasal yang jelas untuk memberi garis-panduan bagaimana peraturan ini akan dibuat. Saya cadangkan kalau boleh CJ Borneo dengan kerjasama semua pihak yang berkenaan dapat mendirikan ataupun merumuskan satu Code of Ethics yang sekarang ini tidak ada di negeri Sarawak. Code of Ethics ini hanya menghadkan kegiatan-kegiatan peguam-peguam mereka. Sekarang ini pun ada sebahagian kecil peguam-peguam di negeri Sarawak yang tidak mengamalkan perundangan

lagi, tidak ada practice lagi tetapi melibatkan diri dalam perniagaan ataupun perindustrian besar. Peguam-peguam harus membuat satu keputusan sama ada mereka mahu menjadi officers of the court untuk memastikan administration justice, dengan izin, ataupun mereka mahu jadi tycoon perniagaan untuk mendapatkan kerugian besar, khususnya memandangkan bahawa dalam tugas mereka menjalankan perniagaan, mereka mungkin melibatkan diri dalam conflict of interests. Ini dapat disiasat kalau ada satu Code of Ethics yang jelas, yang tetap di bawah undang-undang tertentu, yang boleh memberi garis panduan kepada legal profession supaya mereka boleh menjalankan tugas mereka.

Satu ketinggalan lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dapat bangkitkan, dalam Rang Undang-undang ini ialah bahawa Sarawak Advocates Association tidak diberi legal status seperti Bar Council yang ada di Semenanjung Malaysia ini. Oleh kerana itu, Sarawak Advocates Association tidak mempunyai kuasa untuk mendisiplinkan ahli-ahli mereka. Kalau satu Fasal dapat diperkenalkan untuk memerlukan semua peguam-peguam didaftarkan dengan satu pertubuhan peguam negeri Sarawak yang mempunyai legal status, kalau dapat dibuat demikian, legal profession mereka dapat menjaga integriti dan disiplin. Jikalau ada sesiapa peguam melakukan kesalahan, Sarawak Advocates Association boleh memberi amaran bahawa beliau mesti berhenti dengan semua aktiviti-aktiviti yang haram, kalau tidak, namanya akan dipotong dari daftar ahli-ahli peguam dan beliau tidak akan layak untuk practise undang-undang di negeri Sarawak itu. Oleh kerana sekarang ini Sarawak Advocates Association hanya didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan

sahaja dan tidak diberi status undang-undang di bawah Ordinan Peguambela Sarawak, ini ketinggalan yang amat mendukacitakan oleh ramai lawyers di negeri Sarawak itu.

Satu soalan lagi yang harus dibangkitkan ialah tentang peranan yang dimainkan oleh State Attorney-General. Dengan pindaan yang ada sekarang State Attorney-General tidak melibatkan diri di dalam kaedah-kaedah mendisiplinkan peguam-peguam yang kurang bertanggungjawab. Hujah peguam-peguam negeri Sarawak ialah sebelum seseorang peguam dipanggil ke Bar (called to the Bar), permohonan beliau haruslah dikemukakan kepada State Attorney-General dan jikalau namanya hendak dipotong daripada senarai peguam-peguam, kenapa State Attorney-General tidak melibatkan diri.

Satu perasaan bimbang telah pun dibangkitkan. Adakah ini bermakna bahawa pegawai Federal Attorney-General akan dipanggil supaya beliau dilantikkan dalam Jawatankuasa Siasatan ini. Adakah ini satu proses, satu tindakan permulaan untuk mencero bohi kebebasan di cawangan guaman di negeri itu.

Saya harap apabila pindaan ini dilaksanakan, perasaan sensitif harus diberi kepada suatu tegangan yang wujud selalu di antara pihak Persekutuan dengan pihak Negeri itu.

Dengan ini, saya harus ucapkan bahawa banyak perkara masih perlu diberi perhatian berat oleh Kementerian Kehakiman oleh kerana banyak kelemahan wujud, tetapi ini bukan satu forum yang sesuai, saya mahu tunggu sampai perbincangan Perbelanjaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kluang. Nampaknya semua lawyer yang bangun. (Ketawa)

6.11 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Peguambela Sarawak (Pindaan), 1987.

Rang Undang-undang ini mengiktirafkan Ijazah Bachelors of Laws daripada Universiti Islam Antarabangsa serta Diploma Lanjutan Undang-undang yang dianugerahkan oleh Institut Teknologi MARA sebagai kelayakan menjadi peguambela dan peguamcara di Sarawak.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyelaraskan kelayakan menjadi peguambela dan peguamcara antara guaman Sarawak dengan guaman Semenanjung, dengan izin, Sarawak Bar dengan Peninsular Bar. Akan tetapi, saya ingin mengambil kesempatan ini menggesa Kerajaan menyatukan guaman Malaysia Timur dan guaman Malaysia Barat dengan secepat mungkin supaya para peguam dari kedua-dua kawasan boleh berkhidmat, dengan izin, boleh "practise" di satu negara, iaitu Malaysia. Saya juga ingin menggesa Kerajaan menyatukan kedua-dua Mahkamah Tinggi di Borneo dan Malaysia Barat menjadi satu.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya hanya wujud satu mahkamah di Malaysia. Kita telah menjadi satu negara semenjak tahun 1963 dan terdapat sejumlah 44 Ahli Parlimen dari Malaysia Timur menjalankan tugas membuat perundangan bagi seluruh negara, akan tetapi kita merasa seolah-olah menjadi satu negara dengan dua sistem. Saya menggesa Kerajaan mengambil langkah-langkah secepat mungkin mengintegrasikan Malaysia Timur dan Barat di dalam satu negara yang bersatu. Satu negara dengan dua guaman dan dua Mahkamah Tinggi, dengan izin, "a country with two Bars and two High Courts" adalah janjil.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut membetulkan keadaan ini secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

6.14 ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut sama membahaskan pindaan Rang Undang-undang Peguambela Sarawak ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana telah memberikan pengiktirafan kepada Ijazah Bachelor of Laws daripada Universiti Islam Antarabangsa dan juga Ijazah Diploma Lanjutan daripada Institut Teknologi MARA. Adalah diharapkan apabila graduan-graduan undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa ini memasuki profesion undang-undang di negara kita ataupun memasuki perkhidmatan undang-undang dan juga kehakiman, sekurang-kurangnya diharapkan ia dapat menyediakan satu asas ke arah pembaikan serta pembinaan undang-undang Islam di negara ini, sebagaimana yang pernah dilaungkan, yang diminta oleh seluruh umat Islam dan orang-orang Melayu di negara ini sesuai dengan kepercayaan dan keyakinan mereka kepada undang-undang Islam itu sendiri. Saya percaya dan saya yakin bahawa apabila graduan undang-undang daripada Universiti Islam ini memasuki perkhidmatan tersebut yang mempunyai latarbelakang, satunya latarbelakang undang-undang Islam, yang kedua dengan latarbelakang undang-undang sekular, sekurang-kurangnya dia boleh menjadi asas kepada pembaikan undang-undang Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat

dari Kluang dan amatlah merasa dukacita dengan sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Di satu ketika dahulu dia memperkatakan soal integrasi nasional apabila membicarakan soal Feri Malaysia, saya masih ingat pada waktu itu, tetapi sekarang nampaknya dia tidak lagi mahu membicarakan soal integrasi nasional, kenapa? Saya tidak tahu sebabnya, tetapi saya mencadangkan dan turut bersama-sama dengan Yang Berhormat dari Kluang mencadangkan kepada Kerajaan supaya meneliti balik, mengkaji balik supaya diwujudkan satu Bar Council sahaja—Malaysian Bar, sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 43 dalam Legal Profession Act dan dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak dan Undang-undang Akta Peguambela bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak ini dibatalkan dan dipakai satu sahaja undang-undang sebagai mewujudkan satu uniformity di mana kesemua peguam-peguam yang mengamalkan undang-undang di Sabah dan di Sarawak serta di Tanah Melayu ini di bawah satu peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak lengkap kalau saya tidak membahaskan Undang-undang ini dengan menyebut tentang profesion undang-undang, tentang Bar Council atau Malaysian Bar, dengan izin, dan juga Legal Profession Act 1976 merupakan Akta induk kepada profesion undang-undang dan juga yang berkaitan dengan orang ramai yang dari sehari ke sehari yang mula melahirkan pandangan serta ketidak yakinan mereka kepada Malaysian Bar ini.

Tuan Yang di-Pertua, profesion undang-undang inilah merupakan satu profesion yang terhormat—"the honourable profession", dengan izin. Dia bukanlah satu profesion seperti profesion kedoktoran, seperti Yang

Berhormat dari Petaling Jaya, walaupun dia seorang doktor, tetapi profesion itu bukan "the honourable profession".

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa fasal hendak sentuh yang itu?

Tuan Zubir bin Embong: Saya beri contoh.

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan apa ada sangkut dengan doktor-doktor dan apakah yang doktor buat tak ada dapat orang-orang hormat? Adakah apa yang kita buat salah? Jangan fitnah-fitnah di sini!

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya hendak tunjukkan bahawa satu-satunya profesion di dalam dunia ini yang dianggap sebagai "the honourable profession" ialah profesion undang-undang. Walaupun profesion kedoktoran itu dianggap sebagai satu profesion yang baik, tetapi bukan dianggap sebagai "the honourable profession", begitu juga—Tuan Yang di-Pertua mungkin bersetuju dengan saya?

Tuan Sim Kwang Yang: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak, duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Begitu juga profesion-profesion lain, misalnya jurutera, consultant

engineer, quantity surveyor tidak dianggap sebagai profesion yang "the honourable profession". Inilah dia satu-satunya "the honourable profession" di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Profession yang terlama, yang tertua itu?

Tuan Zubir bin Embong: Ya, saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. (Ketawa)

Tetapi adalah suatu perkara yang amat malang pada masa sekarang dan hari ini berlaku di mana sekarang ini kita lihat ada laporan akhbar mengatakan bahawa seorang peguam dituduh kerana menyalahgunakan wang pelanggannya dan didapati bersalah dan dihukum penjara. Ada juga dalam suratkhbar dilaporkan bahawa ada peguam-peguam yang dituduh kerana menipu, ada juga peguam yang dituduh kerana mengajar anak guamannya supaya memberi keterangan yang bohong dalam kandang saksi. Semua tindakan-tindakan ini menjadikan profession undang-undang sekarang ditandatanya, disoal oleh masyarakat. Baru-baru ini Dato' Peter Mooney, seorang Vice President Malaysian Bar Council, dalam suratnya kepada Editor New Straits Times, yang bertarikh 13hb Oktober, 1987, di antara suratnya beliau mengakui dengan mengatakan, saya quote:

"There are 2,400 lawyers practising in Peninsular Malaysia. It would be surprising if there were not some black sheep in such a number but the vast majority, as anyone familiar with the profession knows, are honest professionals anxious to do a good job for their clients."

Maknanya beliau mengakui bahawa sekarang ini sudah ada black sheep, dengan izin, dalam profession undang-undang dan saya takut dan bimbang kalaulah black sheep yang dikatakan 12 orang itu dalam profession undang-undang sekarang—saya takut dan

bimbang kalaulah bilangan itu bertambah. Itu hanya yang dilaporkan yang dikomplen oleh masyarakat, tetapi yang tidak dikomplen oleh masyarakat, kita tidak tahu berapakah bilangannya dan mungkin pada suatu ketika nanti profession undang-undang ini tidak akan menjadi satu profession yang dianggap sebagai, the honourable profession.

Kenapakah perkara ini boleh berlaku? Ini persoalan yang kita mesti tanya dan saya ingin mengemukakan pertanyaan ini kerana mungkin Bar Council yang menjadi badan induk kepada peguam itu tidak menjalankan kerjanya, tidak menjalankan tugasnya. Kita tidak tahu. . . .

Ti Tim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta beliau tumpukan kepada tajuk, oleh kerana sekarang kita harus membincangkan ke atas soal guaman di negeri Sarawak, bukanlah Peninsular Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya minta jangan disebut Bar Council di Malaysia. Boleh disebut, tetapi janganlah ditumpukan segala-galanya kepada Bar Council.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya membicarakan. . . ., sebab dalam perbincangan ini adalah perbincangan dasar. Saya kira ada kaitannya. Apakah bezanya peguam di Sabah dengan peguam di Malaysia Barat? Serupa sahaja. Saya tak nampak bezanya. Mungkin kerana Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu bukan Peguam, maka dia tak tahu. Ini soal dasar, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap ini soal dasar, dalam soal dasar kita boleh bercakap apa sahaja, walaupun undang-undang ini hanya membicarakan soal peguambela di negeri Sarawak. Saya kira berkaitan kerana apa yang akan saya sebutkan ini juga berkaitan dengan negeri Sarawak, profession undang-undang

semuanya. Bukan profession undang-undang itu hanya ada di Malaysia Barat dan tidak di Malaysia Timur, tidak di Sarawak dan tidak di Sabah. Kedua-duanya adalah berkaitan. Maka bolehkah saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, tanggapan kepada profession undang-undang dan tanggapan kepada lawyers itu telah pun dikemukakan oleh orang, walaupun dia sendiri yang berkelulusan undang-undang. Misalnya, saya bagi contoh baru-baru ini saya terbaca sebuah buku yang dikarang oleh Mike Colemart bertajuk "The Terrible Truth About Lawyers". Dia mengatakan, dia buat beberapa kesimpulan, dan saya akan bacakan di sini. Di antara kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, dia mengatakan, dan saya harap Kementerian Kehakiman akan mengambil perhatian mengenai apa yang disebutkan oleh Mike Colemarc itu di dalam bukunya "The Terrible Truth About Lawyers". Beliau mengatakan:

- (1) Law school does not teach people things they will be doing day in and day out as lawyers.

Maka mungkin kerana itulah lawyers yang dikeluarkan daripada universiti tidak mampu untuk menjalankan tugas mereka kepada masyarakat.

- (2) Lawyers do not service legal business, but they create it.

tidak ada legal business, tapi "they create legal business. Ini bukan pendapat saya, pendapat Mike Colemarc.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa dia itu, Mike Colemarc itu?

Tuan Zubir bin Embong: Pengarang buku yang bertajuk "The Terrible Truth About Lawyers", seorang lepasan—Graduate University of

Havard, Amerika. Pernah praktis sebagai peguam di Amerika dan berhenti dan menulis buku ini, yang menghentam legal profession.

Di sini saya hendak sebut perkara ini supaya kita mengambil ingatan. Dia mengatakan lagi:

- (3) In a world where time is money, lawyers are masters at stalling.

Saya tak tahu, ini pendapat dia, bukan pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, keempat dia kata:

"The longer a case goes on, the less it is worth except to your lawyer".

Semua gambaran-gambaran ini mempamerkan bahawa legal profession mungkin tidak lagi akan dihormati untuk di masa yang akan datang dan saya bimbang serta saya takut kalau perkara itu benar-benar berlaku, maka mungkin keadilan dalam masyarakat kepada siapa kita harus letakkan tanggungjawab untuk memperjuangkan keadilan kalau tidak kepada lawyers, tidak kepada peguam? Maka sudah tentulah ia akan menghampakan dan mungkin kerana itulah seorang Hakim bernama Arthur Venderbit, Hakim Mahkamah Tertinggi New Jersey, beliau mengatakan, saya quote dalam bahasa asalnya, dengan izin:

"Many lawyers fail to attain full growth, many of them never glean the vision either of what is really expected of the legal profession or of them individually. For them, alas, the responsibilities begin and end with serving their clients and for them the law is only a set of mechanical rules which they attempt to manipulate for the interest of their clients. A lawyer with such an outlook on his profession is not likely either to attract clients or to serve them well, nor will he ever

enjoy the solid and durable satisfaction that comes from a well rounded complete life in the law".

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya kemukakan soalan tadi, kenapakah perkara ini timbul dalam masyarakat guaman? Saya hendak memberikan pendapat saya, walaupun pendapat saya ini mungkin ditentang oleh sesiapa. Saya mengatakan bahawa inilah dia kegagalan Bar Council, Malaysian Bar di dalam memberikan, memerhatikan hal-hal yang sedemikian.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, apa bendanya lagi, sama ada point of order atau untuk minta penjelasan?

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order. Itu tak berkait sama sekali. Bar Council terletak di Semenanjung Malaysia, sedangkan sekarang kita berbincang hal Sarawak. Bar Council tak berkait sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat berkata "badan yang bertanggungjawab", jangan sebut Malaysian Bar, itu bolehlah. Jikalau sekiranya "yang bertanggungjawab" kepada "Malaysian Bar", apa yang kita bincangkan sekarang ialah berkenaan dengan Sarawak, itu tak boleh.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut Bar Council, kalau tak payah sebut Malaysian Bar, saya sebutkan Bar Council sahaja, kerana Bar Council ada peruntukannya. Saya tak tahu Bar Council Sarawakkah atau Bar Council Sabahkah atau Bar Council Malaysiakah.

Tuan Yang di-Pertua: Di Sarawak tidak ada Bar Council sekarang, dia ada "Association" sahaja.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, Association of Lawyers.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau lagu itu, bolehlah.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu. Dia bukannya datang daripada profession undang-undang, maka dia tak tahu. Saya hendak bercakap dalam Dewan ini hendak beri tahu dan saya harap supaya dia tidaklah membuat bangkangan dan bantahan tak gunalah point of orderkah atau minta penjelasan. Dengar dahulu apa yang saya cakap, kemudian baru buat komen.

Begini, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ha, bagaimana? (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya hendak sebutkan perkara ini, kerana sebagaimana saya katakan tadi saya takut dan saya bimbang kalau-kalaulah profession undang-undang ini, bukan kata takut tak menjadi "honourable" tetapi kita tahu peranannya yang besar, yang dipikulkan ke atas bahu peguam-peguam di negara ini khususnya ataupun di negara-negara lain di mana dunia pun, mereka mengharapkan peguam yang akan memperjuangkan soal keadilan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, point of order?

Tuan Sim Kwang Yang: Tertib Mesyuarat. Masa sudah tiba. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, sedikit lagi. Ada lagi satu minit. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching jangan buat macam itu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, saya boleh sambung besok, dia hanya mahu menghabiskan masa saya, Tuan Yang di-Pertua.

Soalnya sekarang bagaimanakah tindakan badan atau Majlis Peguam atau badan yang dianggotai oleh peguam itu. Saya rasa persoalan ini saya harus kemukakan, kerana saya melihat tidak lain dan tidak bukan ialah kerana badan yang dianggotai oleh peguam-peguam itu telah menghalakan isu yang sebenarnya yang dihadapkan kepada mereka kepada isu-isu yang lain dan tidak berkaitan pun dengan masalah Majlis Peguam.

Saya bacakan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, memang panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau panjang, minta sambung—mungkin esok tak boleh, kena bagi hari Isnin—hari Isnin pun tidak boleh—lepas daripada Budget. (*Ketawa*).

Tuan Zubir bin Embong: Habis bila boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas daripada Budget.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 4.00 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.